



DR 1 TAHUN 2017
DEWAN RAKYAT YANG KETIGA BELAS
PENGGAL KELIMA




LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA
PARLIMEN KETIGA BELAS

PENGURUSAN PROGRAM PEMBANGUNAN SOSIOEKONOMI
MASYARAKAT ORANG ASLI

- KEMENTERIAN KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH (KKLW)

LAPORAN
JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA
PARLIMEN KETIGA BELAS

BIL	PERKARA	MUKA SURAT
1	LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC) PARLIMEN BERHUBUNG PENGURUSAN PROGRAM PEMBANGUNAN SOSIOEKONOMI MASYARAKAT ORANG ASLI DI BAWAH KEMENTERIAN KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH (KKLW)	1-7
2	RUMUSAN & SYOR JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA	8-9
3	AGENDA MESYUARAT	
4	LAPORAN PROSIDING	
5	DOKUMEN PEMBENTANGAN	



**LAPORAN
JAWATANKUASA
KIRA-KIRA
WANG NEGARA**

**LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA
PARLIMEN
BERHUBUNG PENGURUSAN PROGRAM PEMBANGUNAN
SOSIOEKONOMI MASYARAKAT ORANG ASLI
DI BAWAH KEMENTERIAN KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN
WILAYAH (KKLW).**

1. PENDAHULUAN.

Pengurusan Program Pembangunan SosioEkonomi Masyarakat Orang Asli merupakan sebahagian daripada penemuan Jabatan Audit Negara (JAN) dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2014 (Siri 3), yang dibentangkan di Dewan Rakyat pada 23 November 2015.

Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) Parlimen telah membincangkan isu tersebut pada 05 September 2016 iaitu dalam Prosiding Bilangan 16/2016.

2. OBJEKTIF PERBINCANGAN.

Selaras dengan mandat yang diberi di bawah Perkara 77 Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat serta Perkara 304(a) Arahan Perbendaharaan (Pindaan 2008), PAC telah memanggil Ketua Setiausaha (KSU) Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW) dan Ketua Pengarah Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA).

PAC telah membincangkan penemuan JAN berhubung Pengurusan Program Pembangunan SosioEkonomi Masyarakat Orang Asli bertujuan:

- Memastikan program Kerajaan yang dilaksanakan mencapai objektif yang telah ditetapkan.
- Tiada pembaziran dan penyelewengan berlaku dalam pelaksanaan program Kerajaan.
- Memastikan kerja yang dilaksanakan mematuhi undang-undang, peraturan dan syarat yang telah ditetapkan oleh Kerajaan.
- Mengesyorkan tindakan yang perlu diambil terhadap pihak-pihak yang terlibat sekiranya didapati berlaku penyelewengan wang awam.

3. SKOP DAN METODOLOGI.

Perbincangan telah dibuat melalui pendekatan berikut:

- Menjemput Pengarah Audit Sektor Kerajaan Persekutuan selaku wakil Ketua Audit Negara atau wakilnya bagi memberi penjelasan awal berhubung isu yang dibangkitkan;
- Memanggil pihak-pihak yang terlibat dalam Pengurusan Program Pembangunan SosioEkonomi Masyarakat Orang Asli termasuklah KSU Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW) dan Ketua Pengarah Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA); dan
- Menjemput wakil dari agensi pusat seperti Kementerian Kewangan (MoF); Jabatan Akauntan Negara; Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dan Unit Perancang Ekonomi (EPU) untuk hadir bersama.

4. LATAR BELAKANG.

Program Pembangunan Sosioekonomi Orang Asli (BPSE) bertujuan untuk membasmi kemiskinan dan meningkatkan perubahan minda di kalangan masyarakat Orang Asli. Peruntukan sejumlah RM571.23 juta telah diterima bagi tempoh 5 tahun mulai tahun 2011 hingga 2015 dan program yang dilaksanakan ialah Program Penempatan Tersusun (PPT), Program Pembangunan Ekonomi (PPE), Program Pembangunan Sosial (PPS) dan Program Bantuan Rumah (PBR).

Semua program ini dirancang dan dilaksanakan oleh Bahagian Pembangunan Sosioekonomi, JAKAO. Namun begitu pengauditan yang dijalankan oleh JAN hanya terhadap 3 program sahaja iaitu PPS, PPE dan PBR.

5. PERBINCANGAN DAN PENEMUAN.

Sesi perbincangan dimulakan dengan penjelasan mengenai isu Pengurusan Program Pembangunan SosioEkonomi Masyarakat Orang Asli yang dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara Siri 3 Tahun 2014 oleh wakil Ketua Audit Negara kepada PAC Parlimen.

Selanjutnya, KKLW dan JAKOA telah dipanggil memberikan keterangan. Perkara yang dibincangkan pada umumnya diringkaskan seperti berikut:

5.1. Penjelasan Wakil Ketua Audit Negara:-

Memaklumkan bahawa pengauditan yang dijalankan adalah Pengurusan Program Pembangunan SosioEkonomi Masyarakat Orang Asli telah dibentangkan dalam Siri 3, Laporan Ketua Audit

Negara Tahun 2014 pada 23 November 2015. Secara rumusannya, antara penemuan JAN yang dibangkitkan terhadap pengauditan Pengurusan Program Pembangunan SosioEkonomi Masyarakat Orang Asli adalah seperti berikut:

i. Lanjutan Masa Tidak Mendapat Kelulusan Jawatankuasa Sebutharga.

Lanjutan masa bagi dua kerja sebutharga yang masing-masing bernilai RM220,000 dan RM424,500 tidak diluluskan oleh Jawatankuasa Sebutharga sebaliknya hanya diluluskan oleh Pengarah dan Timbalan Pengarah JAKOA. Tiada penurunan kuasa diberikan kepada kedua-dua Pengarah dan Timbalan Pengarah berkenaan.

ii. Meter Air Tidak Berfungsi.

Meter yang dipasang di tujuh kawasan membabitkan 809 buah rumah tidak berfungsi dan tidak memberi manfaat kepada masyarakat Orang Asli di kawasan berkenaan.

iii. Pertindihan Projek.

Terdapat kawasan penempatan Orang Asli yang menerima kemudahan bekalan air melalui dua program iaitu, Bekalan Air Terawat (BAT) dan Program Bantuan Rumah (PBR) menyebabkan rumah-rumah berkenaan memiliki 2 tangki air serta mendapat bekalan dari dua sumber.

Kegagalan menyelaraskan kedua-dua projek berkenaan telah menyebabkan berlakunya pembaziran.

iv. Justifikasi Pembinaan Jambatan Gantung Kampung. Santeh, Kuala Kangsar, Perak.

Tiada justifikasi bagi pembinaan jambatan gantung yang bernilai RM404,161 di Kampung Santeh, Kuala Kangsar, Perak. Jambatan berkenaan tidak menghala ke mana-mana jalan raya.

Di samping itu, kontraktor gagal menyiapkan projek berkenaan walaupun lanjutan masa telah diberikan sehingga 17 Februari 2014. Keperluan untuk mengenakan denda kepada kontraktor sekiranya gagal menyiapkan kerja juga tidak dinyatakan dalam dokumen sebutharga projek berkenaan.

v. Pengurusan Input Benih Penanaman Getah.

Penanaman anak getah secara konvensional oleh peserta adalah tidak tersusun kerana kurang pemantauan oleh Pegawai Pertanian JAKOA daerah. Keadaan ini menyebabkan anak pokok tidak hidup subur dan membesar.

5.2. Penjelasan Ketua Setiausaha Kementerian Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah (KKLW) dan Ketua Pengarah Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) .

Dato' Mohd Ariff Bin Ab Rahman, Ketua Setiausaha KKLW memaklumkan bahawa terdapat 18 penemuan Audit terhadap Pengurusan Program Pembangunan SosioEkonomi Masyarakat Orang Asli dan daripada jumlah itu, 16 penemuan telah diselesaikan dan isu-isu yang belum selesai hanya melibatkan isu pemasangan meter air dan status kenderaan projek.

i. Meter Air Tidak Berfungsi.

- (a) KKLW menjelaskan bekalan air di penempatan Orang Asli datangnya daripada sumber percuma dan diproses melalui pemendapan di loji pemendapan sebelum disalurkan ke tangki air terawat. Walaupun rawatan air itu tidak melibatkan kos langsung tapi pemasangan meter air adalah bertujuan untuk mendidik masyarakat Orang Asli supaya berjimat dalam menggunakan air dan bukannya untuk mengutip hasil.

Selain itu, kutipan yang dicadangkan adalah untuk membiayai kos penyenggaraan bekalan air. Namun begitu pengenaan caj belum dimulakan kerana masih belum mendapat persetujuan daripada masyarakat Orang Asli yang telah biasa mendapat bekalan air percuma.

- (b) Kementerian juga mengakui bahawa tiada perbincangan atau *engagement* diadakan terlebih dahulu dengan masyarakat Orang Asli sebelum pemasangan meter dan cadangan mengenakan caj dilaksanakan. Berikutan itu, sejak 2015, JAKOA telah mengeluarkan item pemasangan meter dalam dokumen tender bagi projek yang sedang dan akan dilaksanakan.

**RUMUSAN & SYOR
JAWATANKUASA
KIRA-KIRA WANG NEGARA**

❖ **Bilangan 16/2016 pada Isnin 5 September 2016**

6. RUMUSAN PAC PARLIMEN.

- 6.1. Pemasangan meter air bagi bekalan air ke penempatan Orang Asli adalah satu pembaziran kerana tujuan sebenar pemasangan meter adalah bertujuan mendidik masyarakat Orang Asli berjimat dalam menggunakan air.
- 6.2. Kos pemasangan meter dibuat secara *lump sum* dan tidak dipecahkan mengikut kos meter, kos pengangkutan dan kos pemasangan. Kaedah sebegini telah memberi gambaran seolah-olah terdapat perbezaan yang ketara dalam kos pemasangan meter di rumah-rumah masyarakat Orang Asli.
- 6.3. Pengenalan sesuatu inisiatif seperti mengenakan bayaran air kepada masyarakat Orang Asli telah dilakukan tanpa berbincang terlebih dahulu (mengadakan *engagement*) dengan mereka walaupun tujuannya untuk mendidik mereka.

7. SYOR PAC PARLIMEN.

Bagi tujuan penambahbaikan akan datang, ahli PAC Parlimen mencadangkan beberapa perkara seperti berikut:

- 7.1. Kaedah yang lebih berkesan dan ekonomik perlu digunakan bagi mendidik masyarakat Orang Asli untuk berjimat dalam penggunaan air dan bukannya dengan memasang meter air yang akhirnya tidak digunakan;

- 7.2. Kaedah kos *lump sum* tidak harus digunakan dalam pemasangan meter air. Kos hendaklah diperincikan kepada kos meter, pemasangan dan pengangkutan bagi projek-projek yang akan datang;
- 7.3. Pembincangan (*engagement*) perlu diadakan dengan ketua masyarakat Orang Asli sebelum sesuatu pembaharuan diperkenalkan kepada mereka;
- 7.4 Pihak KKLW dan JAKOA akan dipanggil pada masa hadapan bagi memberikan penjelasan kepada PAC sama ada pendekatan yang diambil berhubung keberkesanan pemasangan meter air; dan
- 7.5 KKLW dan JAKOA hendaklah lebih peka dan prihatin dalam menguruskan hal-ehwal masyarakat Orang Asli kerana PAC memandang serius kelemahan yang dilaporkan oleh JAN dan jika JAN tidak melaksanakan pengauditan terhadap isu ini berkemungkinan amalan mengambil mudah, tidak cakna dan menganggap remeh temeh dalam menguruskan masyarakat Orang Asli akan berterusan.

Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara Parlimen



**AGENDA MESYUARAT
JAWATANKUASA
KIRA-KIRA WANG NEGARA**

❖ **Bilangan 16/2016 pada Isnin 5 September 2016**

**MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA
 BIL 16/2016 PADA ISNIN 5 SEPTEMBER 2016
 DI BILIK MESYUARAT JAWATANKUASA 2, BANGUNAN
 SEMENTARA PARLIMEN**

TARIKH / HARI / MASA	PERKARA	KEMENTERIAN/ JABATAN/ AGENSI TERLIBAT
<p>5 September 2016 (Isnin)</p> <p>10.30 pagi</p>	<p>Program Pembangunan Sosioekonomi Masyarakat Orang Asli</p>	<p>Kementerian Luar Bandar dan Wilayah</p> <p>- Jabatan Kemajuan Orang Asli</p>

LAPORAN PROSIDING

❖ **Bilangan 16/2016 pada Isnin 5 September 2016**

Bil. 16

**Isnin
5 September 2016**



MALAYSIA

LAPORAN PROSIDING

MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA

Mengenai:

**Program Pembangunan Sosioekonomi
Masyarakat Orang Asli**

- Kementerian Luar Bandar dan Wilayah
- Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA)

**PARLIMEN KETIGA BELAS
PENGKAL KEEMPAT**

**MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA
BILIK MESYUARAT JAWATANKUASA 2, BLOK A
BANGUNAN SEMENTARA, PARLIMEN MALAYSIA
ISNIN, 5 SEPTEMBER 2016**

AHLI-AHLI JAWATANKUASA

Hadir

YB. Dato' Hasan bin Arifin [Rompin] - *Pengerusi*
YB. Datuk Wira Haji Ahmad bin Hamzah [Jasin]
YB. Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang]
YB. Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]
YB. Dato' Ir. Nawawi bin Ahmad [Langkawi]
YB. Datuk Koh Nai Kwong [Alor Gajah]
YBhg. Datuk Roosme binti Hamzah - *Setiausaha*

Tidak Hadir [Dengan Maaf]

YB. Dr. Tan Seng Giaw [Kepong] - *Timbalan Pengerusi*
YB. Datuk Liang Teck Meng [Simpang Renggam]
YB. Datuk Wee Jeck Seng [Tanjong Piai]
YB. Dato' Abd. Aziz bin Sheikh Fadzir [Kulim-Bandar Baharu]
YB. Dato' Kamarul Baharin bin Abbas [Telok Kemang]
YB. Tuan William Leong Jee Keen [Selayang]
YB. Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]
YB. Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]

URUS SETIA

Puan Lavinia a/p Vyveganathan [Setiausaha Bahagian Pengurusan Dewan Rakyat]
Encik Ahmad Johan bin Mohd Afandi [Ketua Sekretariat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara]
Puan Siti Noor Akmar binti Zulkafli [Juruaudit Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara]
Encik Rosli bin Aw Ahmad [Juruaudit Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara]

HADIR BERSAMA

Jabatan Audit Negara

Tuan Haji Abdul Rashid bin Yaakub [Pengarah Sektor Audit Kerajaan Persekutuan]
Puan Rozelin binti Johari [Penolong Pengarah Sektor Audit Kerajaan Persekutuan]
Puan Noor Aslinda binti Nasron [Timbalan Pengarah Sektor Audit Kerajaan Persekutuan]
Puan Norashikin binti Jamaludin [Penolong Juruaudit Sektor Audit Kerajaan Persekutuan]
Puan Suzana binti Mohamad Azman [Penolong Juruaudit Sektor Audit Kerajaan Persekutuan]
Encik Zakaria bin Md Alip [Penolong Juruaudit Sektor Audit Kerajaan Persekutuan]

samb/-

HADIR BERSAMA (samb/-)

Kementerian Kewangan

Encik Rosli bin Yaakub [Ketua Seksyen Parlimen, Kabinet dan Kawalan Pemantauan]

Encik Abd Qayyum bin Abd Jalil [Penolong Setiausaha (Parlimen dan Kabinet)]

Cik Nasrah Fahada Abd Razak [Penolong Setiausaha]

Jabatan Akauntan Negara

Encik Mohd Sabree bin Yaakub [Ketua Penolong Pengarah]

Jabatan Perkhidmatan Awam

Encik Azlee bin Abu Bakar [Ketua Penolong Pengarah (LKAN dan Operasi Khas)]

SAKSI

Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) [Program Pembangunan Sosioekonomi Masyarakat Orang Asli]

YBhg. Dato' Mohd Arif bin Ab Rahman [Ketua Setiausaha, Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah]

Encik Mohd Jamalludin bin Kasbi [Ketua Pengarah JAKOA]

Tuan Haji Mohd Zamri bin Mustajap [Pegawai Bahagian Pembangunan Sosioekonomi JAKOA]

Tuan Haji Ahmad Lokman bin Saidin [Penolong Pengarah (Khidmat Teknikal) Bahagian Pembangunan Sosioekonomi JAKOA]

Encik Abid bin Abdul Jalil [Ketua Unit Audit Dalam, Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah]

Puan Tusreha binti Ani [Ketua Unit (IS) Bahagian Pembangunan Sosioekonomi JAKOA]

LAPORAN PROSIDING**MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA
PARLIMEN KETIGA BELAS, PENGGAL KEEMPAT****Isnin, 5 September 2016****Bilik Jawatankuasa 2, Tingkat 1, Blok A, Parlimen Malaysia, Kuala Lumpur****Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.38 pagi***[Yang Berhormat Dato' Hasan bin Arifin **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Tuan Pengerusi: *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh* Ahli-ahli Yang Berhormat, Yang Berbahagia Datuk Roosme, Setiausaha Dewan Rakyat, pegawai daripada Jabatan Audit Negara, ketua-ketua jabatan. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih atas kehadiran semua Ahli Yang Berhormat dan pegawai-pegawai dari Jabatan Audit dan kementerian-kementerian yang tertentu.

Kita akan mengadakan prosiding selama tiga hari iaitu pada hari ini, esok dan lusa. Pada hari ini kita akan mulakan mesyuarat PAC dengan prosiding Program Pembangunan Sosioekonomi Masyarakat Orang Asli membabitkan Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah serta kemajuan Orang Asli. Esok kita akan mengadakan prosiding Pelaksanaan Sistem Imigresen Malaysia (myIMMs) dan hari Rabu, bekalan air luar bandar. Sesi hari ini yang hadir KSU Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Dato' Mohd Arif bin Ab Rahman, Encik Mohd Jamalludin bin Kasbi dan Tuan Haji Mohd Zamri bin Mustajap, Pengarah Bahagian Pembangunan.

Sedikit latar belakang berhubung dengan pembangunan Program Pembangunan Sosioekonomi, Jabatan Audit telah menjalankan pengauditan Tahap Tiga daripada empat program yang dilaksanakan oleh JAKOA menerusi bahagian pembangunan sosioekonomi iaitu tiga program berkenaan adalah program pembangunan ekonomi, program sosial dan program bantuan rumah. Satu lagi program yang tidak dapat diaudit ialah Program Penempatan Tersusun (PPT).

Kita hendak macam mana? Panggil terus mereka atau hendak...

■1040

Datuk Roosme binti Hamzah [Setiausaha, Parlimen Malaysia]: Bahagian audit dahulu.

Tuan Pengerusi: Audit dulu ya. Okey. Tanpa melengahkan masa, saya silakan Audit untuk *briefing* dulu sebelum kita memanggil ya. Silakan Encik Rashid.

Tuan Haji Abdul Rashid bin Yaakub [Pengarah Sektor Audit Kerajaan Persekutuan, Jabatan Audit Negara]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh* Yang Berhormat Dato' Hasan bin Arifin, Pengerusi PAC, Ahli-ahli Yang Berhormat Ahli PAC, Datuk Roosme, Setiausaha Dewan Rakyat, pegawai-pegawai daripada MoF, JPA dan Jabatan Akauntan Negara.

Terlebih dahulu saya sampaikan salam daripada Yang Berbahagia Tan Sri yang tidak dapat hadir bersama pada hari ini. Saya juga hendak maklumkan Timbalan Ketua Audit Negara Persekutuan, Datuk Anwari Suri akan bersara. Dia sudah bercuti pada 30 Ogos yang lalu dan akan terus bersaralah. *Officiallynya* persaraannya ialah pada 15 November nanti. So, Datuk Anwari sudah bercuti dan terus bersara sekarang.

So, untuk kajian yang telah dipilih oleh PAC pada pagi ini ialah berkaitan dengan projek Program Pembangunan Sosioekonomi Masyarakat Orang Asli di bawah JAKOA. So, sebelum PAC mengambil alih, tentunya saya ingin menyampaikan sedikit taklimat berkaitan dengan program yang telah kita laksanakan. Apa yang dipaparkan adalah berkaitan proses pengauditan yang telah berjalan bermula daripada *entrance conference*, pengauditan, *exit conference* dan juga pembentangan yang telah dibuat dalam siri yang ketiga tahun 2014 yang telah dibentangkan pada tahun lepas pada 23 November.

So, tujuan program adalah membasmi kemiskinan dan meningkatkan perubahan minda di kalangan Orang Asli. Itu tujuan kenapa bagi pelaksanaan program ini.

Sebagaimana Tuan Pengerusi cakap tadi, ia ada empat program iaitu Program Penempatan Tersusun — yang kita tidak laksanakan — Program Pembangunan Ekonomi, Program Pembangunan Sosial dan Program Bantuan Rumah — ini yang dilaksanakan.

Peruntukan sejumlah RM571 juta telah dibelanjakan untuk tempoh lima tahun iaitu tahun 2011 sehingga tahun 2015 oleh JAKOA. So, objektif pengauditan, sebagaimana biasa, ialah untuk menilai sama ada Program Pembangunan Sosioekonomi Masyarakat Orang Asli telah dirancang dan dilaksanakan dengan teratur, cekap, berhemat serta mencapai objektif yang telah ditetapkan.

So, pengauditan dijalankan di lima negeri yang kita pilih iaitu Pahang, Johor, Selangor, Perak, Negeri Sembilan dan melibatkan 10% daripada projek-projek yang dilaksanakan iaitu sebanyak 477 projek yang telah dilaksanakan yang kita pilih sebagai sampel audit yang kita lihat dari segi proses pelaksanaan projek tersebut.

Pengauditan adalah dengan menyemak rekod-rekod dan dokumen di pejabat JAKOA dan negeri-negeri yang dipilih serta perbincangan dengan pegawai-pegawai yang terlibat dan lawatan ke tempat-tempat projek yang dilaksanakan.

Pada keseluruhannya, kesemua program telah berjaya dilaksanakan dengan memuaskan kerana daripada 3,858 projek yang disasarkan, sebanyak 4,000 — maksudnya melebihi — projek yang dapat dilaksanakan oleh JAKOA.

Walau bagaimanapun, beberapa isu yang kita telah temui. Mungkin isu-isu ini yang boleh Ahli-ahli Yang Berhormat tanya kepada pihak JAKOA nanti atau kepada KSU.

Satu ialah isu yang kita bangkit berkaitan dengan lanjutan masa berkaitan kerja sebut harga bernilai RM200,000 dan RM424,000 tidak diluluskan oleh Jawatankuasa Sebut Harga. Maksudnya di sini dari segi perlanggaran peraturan. Maksudnya dia perlu mendapatkan kelulusan oleh Jawatankuasa Sebut Harga.

Kedua, sebanyak tujuh kawasan yang melibatkan 809 buah rumah didapati pemasangan meter projek bekalan air di semua kawasan tersebut adalah tidak berfungsi. Maksudnya di sini 809 buah rumah sudah ada siap bekalan air tetapi ia tidak dapat dimanfaatkan.

Ketiga, penyaluran bekalan air terawat di setiap rumah PBR memiliki dua tangki air. Maksudnya di sini ada dua projek bertindih. Maksudnya bekalan air satu rumah Orang Asli itu ada dua program. Satu bawah Program Bantuan Rakyat dan satu lagi di bawah Bekalan Air Terawat. Jadi ini dari segi perancangan. Maksudnya, di sesebuah rumah ada dapat daripada dua program. Kemungkinan semasa kita audit — tetapi kita tidak laporkan — ada juga yang dapat sampai tiga daripada program lain. Program daripada Kementerian Kesihatan, BAKAS dan juga projek-projek lain. Ini dari aspek perancangan di mana semasa pelaksanaan projek, ia tidak melihat dahulu *on the ground* program-program yang telah dilaksanakan.

Keempat, pembinaan jambatan Kampung Santeh di Kuala Kangsar, Perak bernilai RM404,000 tidak ada justifikasi kenapa jambatan itu perlu dibina kerana semasa lawatan audit, jambatan yang dibina itu tidak menghala ke mana, hanya menghala kepada tanah perkuburan, bukan lebuhr Jalan. Jadi kita nak belanja RM400,000 tetapi sebenarnya *halfway* sahaja. Kita belanja hampir sampai RM20,000 tetapi kontraktor telah di *terminate because* dia tidak dapat meneruskan projek tersebut.

Kelima, penanaman getah. Pengurusan input benih, penanaman anak benih getah secara konvensional peserta tidak tersusun. Pembelian sulaman anak getah. Sebahagian besar anak getah yang dibekalkan pada tahun 2013 telah musnah akibat serangan gajah liar pada tahun 2014. Pengurusan Baja. Baja tidak digunakan dan terbiar dalam stor antara 22 hingga 25 bulan. Projek ternakan ikan. Dua daripada tiga projek ternakan ikan yang masih diusahakan tetapi tidak dapat membantu meningkatkan pendapatan penternak.

Itu secara kasar isu-isu yang dibangkitkan di dalam Laporan Ketua Audit Negara. Mungkin Ahli-ahli Yang Berhormat boleh — perkara-perkara apa yang hendak ditanya kepada

pihak KSU dan pihak JAKOA dalam melaksanakan. Itu sahaja isu-isu, lebih kurang, Yang Berhormat Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Apa isu yang dapat kita *highlight*kan? Secara keseluruhannya saya nampak bagaimana projek-projek kepada Orang Asli ini berkesan? Sama ada berkesan atau tidak berkesan, itu yang harus kita lihatlah. Umpamanya baru-baru ini bekalan air di Pahang ya. Di mana ya? Siapa ada kawasan Orang Asli di sini? Semuanya tidak berapa berjalan dengan baik nampaknya. Itu belum diaudit lagi. *[Disampuk]* Ya?

Encik Rosli bin Yaakub [Ketua Seksyen Parlimen, Kabinet dan Kawalan Pemantauan, Kementerian Kewangan]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Pengerusi: Ya, bekalan air itukan?

Tuan Haji Abdul Rashid bin Yaakub: Ya, bekalan air.

Tuan Pengerusi: Banyak *fail* lah. Lepas itu lantik — mula lantik... Apa nama syarikat yang awal itu? *[Disampuk]* Tidak, di Pahang. Bukan.

Tuan Haji Abdul Rashid bin Yaakub: Rossington.

Tuan Pengerusi: Ha, Rossington. Lepas itu tukar syarikat baru. Syarikat baru pun nampaknya tidak — betul ya?

Seorang Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Pengerusi: Dia membaiki sahaja?

Seorang Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

■1050

Tuan Haji Abdul Rashid bin Yaakub: Ini akan dibentangkan dalam siri kedua pada 21 November nanti.

Tuan Pengerusi: Ya?

Tuan Haji Abdul Rashid bin Yaakub: Ya, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Itu banyak itu. *Messy, problem* itu, ya. Dekat kawasan saya dekat lima atau enam projek itu. *Almost all failed*lah.

Tuan Haji Abdul Rashid bin Yaakub: Saya kebetulan juga pergi ke satu kawasan di Kuala Lipis. Saya pergi lihat memang ia tidak berjaya. Kita belanja juta-juta siap dengan projeknya tetapi tidak dapat dimanfaatkan. Bekalan air tidak berlaku, tidak berjalan kerana macam lebih kurang di sini juga kerana masyarakat Orang Asli sudah ada bekalan dari Kementerian Kesihatan. Sudah ada bekalan tetapi apabila kita pula pergi buat lain lagi sedangkan mereka sudah ada *on the ground* daripada BAKAF, daripada — kita pergi buat dan bila ada pelaksanaan timbul isu hendak *maintain*, hendak buat pengurusan tersebut... *[Disampuk]* Tidak ada orang hendak *maintain*. So terbengkalai. So masyarakat di situ *couldn't bother because* bekalan air mereka itu sudah ada.

So Yang Berhormat Tuan Pengerusi, isu-isu mungkin saya lebih nampak di sini berkaitan dengan yang tadi yang kita laporkan berkaitan dengan – *next*, cuba tengok tadi.

Tuan Pengerusi: Mungkin perancanganlah, mereka...

Tuan Haji Abdul Rashid bin Yaakub: Dari segi perancangan...

Tuan Pengerusi: Lemah.

Tuan Haji Abdul Rashid bin Yaakub: Saya ambil contoh tadi 3,000 projek yang telah di – *no, no*. Tadi, *next*. 809 buah rumah. Kita sudah laksana, projek telah pun siap tetapi air masih tidak dapat dibekalkan. Air itu kemungkinan isu-isu tersebutlah. Boleh tengok apakah – ini bergantung atas apa yang dibangkitkan adalah sampel audit. Kemungkinan di tempat-tempat lain pun mungkin perkara-perkara yang sama juga berlaku. So kemungkinan kita boleh tengok apakah tindakan yang dibuat oleh pihak KSU ataupun JAKOA untuk pastikan apa yang kita laksanakan dapat dimanfaatkan oleh masyarakat Orang Asli.

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat, apa yang kita hendak *highlight* nanti? Kawasan saya ramai Orang Asli. Saya punya pengundi dekat 4,000.

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang]: Tuan Pengerusi, saya kalau hendak komen kawasan ini pun tempat kita luar bandarlah.

Tuan Pengerusi: Luar bandar.

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah: Macam rumah PPRT dan sebagainya, saya melihat ada *the pricing* itu sendiri. Mungkin kelemahan kita juga sistem itu sebab ada sesetengah yang memerlukan itu di luar bandar, jauh daripada grid hendak sambung elektrik dan sebagainya. Jadi rumah itu sama juga hendak beri *generator* pun mereka tidak mampu, susah juga. Jadi kita kena cari kaedah yang lainlah. Ada sesetengahnya itu yang saya dapati di tempat saya sendiri, *is* tidak didiami, tidak dihuni sebab tidak boleh hendak didiami. Rumah ada tetapi air harapkan hujan, jauh daripada grid sebab syarat tanah ada, tapak sendiri, bukan. Benda-benda macam ini kelemahan sistem.

Tuan Haji Abdul Rashid bin Yaakub: Betul. Kita perhati kelemahan perancangan. Kadang-kadang macam contoh kita buat bekalan air, kita ada *genset* untuk pam air dari sungai naik ke – tetapi isunya di sini hendak *maintain*. Siapa hendak tanggung kos minyak, untuk hendak – tiap-tiap bulan itu. Itu masalahnya tetapi kita seolah-olah buat projek kita tidak fikir *after that* apa hendak *maintain*, bagaimana urusnya. Dia senang, dia kata lebih kurang orang cakap apabila dilaksanakan oleh kementerian, selepas itu ia serah kepada JAKOA untuk ambil tindakan. JAKOA itu mulut sahaja serah tetapi dari segi macam mana bila serah JAKOA, tindakan JAKOA untuk hendak mengambil alih itu dari segi peruntukannya, macam mana dia hendak mengambil alih, itu tidak di *spell out* cara prosedur.

Encik Rosli bin Yaakub: Yang Berhormat, mungkin ada dua perkara Yang Berhormat saya lihat kelemahan projek-projek di bawah Jabatan Kemajuan Orang Asli ini. Pertamanya

ialah *planning* atau perancangan. Saya nampak tidak ada penyelarasan perancangan lebih awal untuk dibuat dalam sesuatu kawasan itu. Itu satu.

Keduanya ialah *educate*. Nampaknya JAKOA sepatutnya sebelum dia beri sesuatu projek, contohnya macam ini, bekalan air, dia beri meter tetapi Orang Asli ini dia tidak pakai meter itu. Dia *still* dalam *mind set* dia, dia hendak percuma. Jadi *educate* itu *very important*.

Keduanya Tuan Pengerusi, kalau kita tengok rumah PPR ini, kadang-kadang masa dahulu saya di luar bandar, rumah PPR ini dia buat, tetapi dia buat rumah di belakang itu, rumah PPRT itu jadi tempat letak kambing, letak ayam. Saya ingat Yang Berhormat Tuan Pengerusi pun saya fikir ada pengalaman benda ini.

Tuan Pengerusi: Panas, dia kata.

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah: Tuan Pengerusi, yang itu tidak apa Tuan Pengerusi, kambing dia. Tidak apa ada penghuni. Di tempat saya, dua hari sebelum pindah, meninggal. Tidak ada orang diami, kosong. Ada yang baru dua hari masuk, meninggal, sudah kosong. Ada sebuah itu saya jumpa kontraktor pula sewa, hendak buat projek *somewhere* dekat-dekat. *Lailahaillallah*.

Tuan Haji Abdul Rashid bin Yaakub: Tuan Pengerusi, lanjutan daripada apa yang Encik Rosli cakap tadi, memang betul-betul kalau kita menerusi perancangan, kenapa dari segi perancangan itu – kita hendak buat bekalan air luar bandar di masyarakat Orang Asli di pedalaman, kenapa ada unsur meter itu ada, sedangkan kenapa kita dari segi perancangan meter sedangkan tidak adapun perancangan hendak *connect* kepada syarikat bekalan air. Tidak ada. Akan tetapi kita letak meter. Belanja satu meter itu beratus-ratus. Kenapa dari segi – kita pula ada meter untuk dibekalkan untuk masyarakat. Itu benda-benda yang kadang-kadang kita...

[Saksi-saksi mengambil tempat di hadapan Jawatankuasa]

Tuan Pengerusi: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, Yang Berbahagia Dato' Mohd Arif bin Ab Rahman, Ketua Setiausaha Kementerian Kemajuan Luar bandar dan Wilayah; Encik Mohd Jamalludin bin Kasbi, Ketua Pengarah JAKOA. Baru ya? Ketiga, Tuan Haji Mohd Zamri bin Mustajap, Pengarah Bahagian Pembangunan Sosioekonomi JAKOA. Terlebih dahulu bagi pihak PAC, kami ingin mengucapkan ribuan terima kasih atas kehadiran Dato'-Dato' sekalian untuk menghadiri prosiding di mesyuarat PAC pada pagi ini.

■1100

Sebagaimana yang tuan-tuan dan Dato'-Dato' sedia maklum, hasil daripada Laporan Ketua Audit Negara pada siri yang ke-14, beberapa perkara yang dibangkitkan oleh Laporan Audit yang perlu penelitian oleh Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara dan kemudiannya

laporan ini akan dibentangkan semula ke Parlimen sebagai sebahagian daripada *finding* atau prosiding yang kita dapati bagi dibentangkan semula ke parlimen. Tujuannya supaya dapat difahami oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dan yang penting supaya dapat diperbaiki semua kelemahan dalam struktur pentadbiran di kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan yang tertentu.

Kita dapati Jabatan Kemajuan Orang Asli ini memang sudah lama wujud dan berusaha untuk memulihkan ataupun memberi keselesaan hidup kepada masyarakat Orang Asli daripada segi sosioekonomi dan pendidikan. Satu perkara yang bukan mudah jugalah untuk mengubah masyarakat Orang Asli. Walau bagaimanapun, apa yang penting ialah supaya segala perancangan yang kita buat harus menepati dan benar-benar berkesan kepada masyarakat Orang Asli dari segi perancangannya, dari segi tindakannya dan ini yang menjadi pemerhatian audit dan rata-rata kelemahannya adalah dari segi perancanganlah yang saya nampak.

Jadi, dalam audit ini beberapa perkara yang dibangkitkan iaitu tiga perkara penting yang dibangkitkan iaitu Program Pembangunan — Jabatan Audit hanya mengambil tiga aspek sahaja daripada laporan audit itu iaitu Program Penempatan Tersusun, Program Pembangunan Ekonomi dan Program Pembangunan Sosial. Ia tiga perkaralah. Jadi, Program Pembangunan Tersusun ini tak ada audit kan? Tidak? En. Rashid? Tidak ya? Program Pembangunan Ekonomi dan Sosial.

Umpamanya, Program Pembangunan Sosioekonomi masyarakat Orang Asli bagi lima tahun, tahun 2011 hingga tahun 2015 — banyak juga ini ya — RM571 juta disalurkan oleh KKLW kepada JAKOA. Kemudian banyaklah. Itu yang kita hendak perhatikan. Laporan Ketua Audit ada pada Dato' ya? Okey, ada apa-apa hendak cakap sedikit? Dato', silakan.

Dato' Mohd Arif bin Ab Rahman [Ketua Setiausaha, Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan selamat sejahtera Yang Berhormat Tuan Pengerusi dan juga Ahli-ahli PAC, begitu juga daripada Jabatan Audit Negara, MOF dan kawan-kawan yang lain. Terima kasih banyak Yang Berhormat Tuan Pengerusi.

Saya suka menjelaskan daripada penemuan audit yang lepas ini, kita ada 18 penemuan iaitu termasuk yang tadi bersabit ekonomi semua sekali dan juga dengan pembangunan sosial itu, *alhamdulillah*, cuma 16 perkara daripada penemuan itu telah selesai manakala ada dua lagi yang masih *pending*, ya. Dua ini, Yang Berhormat, melibatkan pemasangan meter air dan juga status kenderaan projek. Jadi dua perkara ini akan kita cuba jelaskan, kalau dapat perkara-perkara yang masih lagi *pending* ini, supaya menjelaskan kepada PAC.

Pasal saya faham bahawa isu Orang Asli ini memang dalam hati Yang Berhormatlah pasal kita sama-sama berjuang dahulu kan? [Ketawa] Jadi memang...

Di sebelah kanan saya ini Encik Jamalludin pun baru, saya ingat baru dua bulan sebagai menggantikan Encik Hasnan, KP JAKOA yang bersara pilihan.

Tuan Pengerusi: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Dato' Mohd Arif bin Ab Rahman: Dia awal. Dia kata dia hendak buat *business*. Sama ada...

Tuan Pengerusi: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Dato' Mohd Arif bin Ab Rahman: *[Ketawa]* Kalau tanya orang yang bekerja ini pun, ramai yang hendak bersara awal rasanya. *[Ketawa]*

Di kiri ini, Zamri ini memang rasanya sudah lama dengan Orang Asli. Jadi, penjelasan yang seterusnya, Yang Berhormat, akan diberi oleh Encik Jamalludin dan saya akan juga kalau sekiranya ada beberapa perkara yang boleh saya bantu dan saya akan bantu. Jadi sebagaimana yang tertera di skrin itu, itu adalah penemuan asal, 16 selesai dan dua lagi yang kita akan jelaskan. Jadi, saya minta izin Tuan Pengerusi untuk menjemput Encik Jamalludin untuk menjelaskan dua perkara. Terima kasih.

Encik Mohd Jamalludin bin Kasbi [Ketua Pengarah, Jabatan Kemajuan Orang Asli]: Terima kasih Tuan Pengerusi. *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Yang Berhormat Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Ahli-ahli PAC, para pegawai daripada Jabatan Akauntan Negara, daripada Kementerian Kewangan dan rakan-rakan sekalian.

Saya menyambung apa yang Dato' KSU nyatakan tadi. Memang saya barulah di Jabatan ini, hendak menyambut 100 hari sebenarnya. Jadi ulang tahun 100 hari saya ini saya ke PAC lah. *[Ketawa]*

Tuan Pengerusi, slaid selepas ini tak ada. Ini setakat latar belakang, baru dapat idea malam tadi Tuan Pengerusi, minta maaf. Tidak boleh tidur semalam ini. *[Ketawa]*

Jadi adalah saya hendak menyebut di sini perkataan "*Tak kenal maka tak cinta*". *[Bercakap dalam bahasa Temiar]* Ini dalam bahasa Temiar, Tuan Pengerusi. Saya ingat Tuan Pengerusi faham. Ataupun kalau mengikut satu lagi bahasa... *[Bercakap dalam bahasa suku kaum Orang Asli]*

Jadi saya hendak bagi sedikit latar belakang sebelum kita pergi kepada isu yang dibangkit. Jadi untuk makluman semualah, selain daripada Tuan Pengerusi, mungkin yang lain-lain perlu tahu di sini bahawa JAKOA ini, Orang Asli ini tak ramai, tak sampai pun satu peratus di Malaysia, lebih kurang 215,000 sahaja mengikut perangkaan sehingga tahun 2015, tak sampai pun 0.7% sahaja. Daripada 213,000 ini, kalau kita lihat, ia terdiri daripada 42,700 ketua isi rumah (KIR) yang menduduki lebih kurang 853 buah kampung di seluruh negara. Jadi daripada bilangan tersebut, Pahang adalah mempunyai penduduk Orang Asli yang paling ramai, diikuti oleh negeri Perak, Selangor, Johor dan juga Kelantan.

Kalau kita lihat penempatan 853 buah kampung di sini, lebih kurang sebanyak 327 buah kampung atau 36% adalah kampung-kampung di pedalaman, di hutan-hutan yang mana Tuan Pengerusi maklumlah, untuk kita sampai ke kampung-kampung ini memakan masa. Bukan sahaja kekurangan dari segi infrastruktur tetapi juga daripada kekurangan-kekurangan yang lain. Jadi kita lihat masyarakat dalaman itulah — jadi kita akan fokus nanti kenapa berlaku demikian.

Kemudian, sebanyak 61% berada di pinggiran kampung dan dari segi pembangunan di sini telah pun banyak menerima pembangunan. Seterusnya di bandar tak banyak, ada enam kampung sahaja di bandar. Kalau kita lihat daripada segi apa yang diterima oleh masyarakat Orang Asli ini — jalan luar bandar, terdapat 133 lagi kampung daripada 853 kampung yang masih lagi belum kita lalui, belum lagi buat akses, *accessibility* tak ada lagi. Kemudian bekalan air, sebanyak 183 kampung lagi masih belum dapat bekalan air sama ada dari segi air retikulasi, air alternatif ataupun air pelbagai sumber. Begitu juga dengan bekalan elektrik, 167 kampung. Jadi inilah sebenarnya kekangan yang dihadapi oleh JAKOA lah.

Jadi apa yang berbangkit di sini ialah kita lihat oleh kerana kehidupan mereka ini di pedalaman, jadi kita akan lihat dari segi darjah mentaliti ataupun cara pemikiran mereka adalah masih lagi rendah berbanding dengan masyarakat perdana. Jadi itulah usaha yang akan JAKOA laksanakan. Itu sebagai mukadimah dan latar belakang supaya kita jelas.

■1110

Kemudian, kita pergi kepada slaid yang ketiga. Kalau kita lihat berbagai-bagai usaha telah dilaksanakan oleh Jabatan Kemajuan Orang Asli. Antaranya termasuklah melalui Pembangunan Manusia dan Kebajikan. Selain daripada PAC, kalau kita lihat di bawah Pembangunan Manusia dan Kebajikan (PMK) ini, apa yang JAKOA laksanakan di JAKOA ialah kita menjaga Orang Asli daripada lahir sehingga dia mati, khususnya dari segi kebajikan. Ini sebenarnya mengambil masa dan juga kewangan yang banyak di pihak kerajaan untuk menjaga masyarakat Orang Asli ini. Kalau seorang itu sakit kita bukan hanya menjaga orang yang sakit, kita jaga keluarga dia sekali.

Jadi apa yang kita buat sekarang ini, kita wujudkan pusat-pusat transit. Kalau kata isteri itu perlu mendapat rawatan di hospital, suami dia dan anak-anak kita semakin takut letakkan di pusat transit dan kita memberi makan sepanjang isteri tadi mendapat rawatan di hospital. Itu yang kita buat ya. Jadi selain daripada itu pelbagai usaha kita buatlah untuk tujuan-tujuan mendidik mereka sama ada dari segi pelajaran, dari segi kebajikan, kesihatan itu kita laksanakan iaitu dengan latihan-latihan kerjaya.

Program lain kita laksanakan Program Pembangunan Sosioekonomi JAKOA. Kalau kita lihat di sini, ada empat program iaitu penempatan tersusun (PPT), kemudian kita ada program pembangunan ekonomi dan ketiga ialah Program Pembangunan Sosioekonomi. Di

sinilah di mana letaknya isu yang telah dibangkitkan iaitu adalah kemudahan-kemudahan infrastruktur yang kita beri kepada masyarakat Orang Asli termasuklah bekalan-bekalan air. Selain daripada itu, kita ada program bantuan rumah. Ini antara program-program pembangunan ekonomi yang kita buat untuk masyarakat Orang Asli. Okey, *next*.

Sebagaimana Dato' jelaskan tadi, ini antara peruntukan dan juga perbelanjaan yang telah pun diluluskan oleh pihak kerajaan bagi melaksanakan program-program pembangunan untuk masyarakat Orang Asli. Ini kalau kita lihat di sepanjang RMKe-10, sebanyak RM93 juta peruntukan. Ini untuk air terawat sahaja. Bila kita bercakap mengenai bekalan air, sebenarnya selain dari dalam bekalan air terawat kita juga ada bekalan air retikulasi. Retikulasi ini macam bekalan yang kita terima di bandar-bandarlah yang mana bekalan air itu diuruskan oleh pihak perbadanan air. Jadi yang itu mudah tetapi untuk air terawat ini, masyarakat Orang Asli kebanyakannya kita akan bekalkan bekalan air terawat. Bekalan air terawat inilah satu usaha kita untuk membekalkan Orang Asli dengan air bersih oleh sebab bila mereka duduk di pedalaman itu, mereka banyak bergantung pada air-air semula jadinya. Jadi bagi tujuan minuman untuk memastikan kesihatan mereka terjamin, kita akan membekalkan bekalan air terawat.

Okey, yang objektif kerja sebagai yang dijelaskan di bawah itulah kenapa menjadikan kemudahan-kemudahan tersebut. Kemudian selain daripada kita membekalkan air bersih, kita juga menjadikan sebagai bahan pemangkinlah untuk merancang pembangunan ekonomi, industri dan bila kita cuba meluaskan lagi liputan air. Ya, okey *next*.

Ini antara projek-projeklah yang mana peruntukan yang kita peroleh tadi kita laksanakan dalam kita melaksanakan projek-projek bekalan air terawat dan tertera di sini 15 kontrak bagi tujuan pembekalan air terawat yang telah pun dikeluarkan oleh JAKOA untuk kita bekalkan termasuk Orang Asli. Kalau kita lihat manfaat kepada bekalan air terawat ini adalah untuk 12,105 orang penerima manfaat untuk air terawat. *Next*.

Seterusnya, ini bekalan air terawat tetapi melalui sebut harga, menilainya tidak sampai kurang daripada RM500,000. Ini maknanya untuk setahunlah, maknanya 2011, 2012 dan juga 2015. Okey, *next*.

Okey, sebelum kita pergi kepada isu yang dibangkitkan, boleh kita pergi kepada slaid yang menunjukkan bagaimana bekalan air terawat tadi dari segi diagram dia. Okey, ini sistem bagaimana air terawat tadi kita sampaikan atau dibekalkan kepada rumah-rumah di perkampungan Orang Asli. Kalau kita lihat bekalan air terawat ini, kita mendapat punca daripada sumber-sumber yang adalah melalui tandak ataupun ada tasik di situ ataupun kawasan-kawasan takungan untuk mana kita akan gunakan bekalan-bekalan yang ada di sini untuk kita salurkan kepada perkampungan-perkampungan Orang Asli. Jadi bekalan air yang kita dapat daripada tandak tadi, kita akan bawa kepada dua pusat untuk kita buat pembersihan.

Satu *tank* nombor dua itu dan di situ kita akan bekalkan air yang telah disalurkan kepada tandak tadi akan dimendapkan di situ sebelum kita buat pembersihan di tangki yang berikutnya.

Kalau kita lihat nombor tiga di situ ialah air ataupun *treatment* yang kita buat terhadap air yang telah kita dapat daripada tandak tadi. Jadi kita melalui proses-proses yang kalau ikutkan ada enam proses di situ. Maknanya yang selalunya Orang Asli gunakan ialah air digunakan daripada tandak digunakan terus. Akan tetapi bagi tujuan air terawat ini kita perlu buat penapisan, kita perlu merawat air tersebut agar air tersebut selamat digunakan oleh Orang Asli.

Jadi selepas sampai ke rawatan tersebut, kita akan simpankan air tadi di dalam tangki yang mana kita lihat diagram nombor lima. So daripada situ air kita akan salurkan untuk simpanan ke tangki-tangki di setiap rumah Orang-orang Asli. Kalau kita lihat daripada tangki yang ada di sebelah rumah Orang Asli itu, di bawah itu ada paip. Jadi itulah isu ini berbangkitlah. Jadi paip itu tadilah yang akan kita jelaskan nanti di sinilah. Jadi inilah proses dia bagaimana air terawat tadi kita bekalkan kepada perkampungan-perkampungan Orang Asli.

Okey, okey, balik kepada slaid awal tadi kepada isu. Okey, penemuan yang telah ditemukan oleh pihak Jabatan Audit Negara ialah mengenai pemasangan tangki individu dan juga pemasangan meter yang melibatkan anggaran perbelanjaan antara RM310 hingga RM645 untuk satu rumah. Kalau kita lihat berdasarkan pemeriksaan telah dibuat oleh Jabatan Audit tadi ada lima kampung ataupun lima kontrak yang telah pun dikeluarkan dan didapati berlaku perbezaan harga meter untuk setiap kontrak.

Okey, untuk penyelesaian, sebenarnya kita lihat slaid berikutnya. Okey, di sini. Kalau kita lihat untuk syarikat yang pertama iaitu di Kluang, kepada EFFA Enterprise, bilangan kampung adalah dua. Penerima faedah ada 34 dengan kos projek RM1.3 juta tetapi harga seunit meter ialah RM645. Kalau tab untuk yang kontrak yang kedua di Batang Padang, 'Kampung Pap' terima faedah RM135, kemudian kos dia RM500. Begitu juga dengan konteks-konteks selainnya. Kalau nombor tiga itu 90 unit, 390. 354 untuk Batang Padang pass zon A dengan harga RM380 dan seterusnya Zon E untuk Kuala Lipis 182 penerima manfaat, empat buah kampung dengan harga RM310.

Sebenarnya tertera di bawah tersebut, pasangan meter tadilah harga-harga yang telah dinyatakan di situ. Akan tetapi bila kita melihat dari segi kos kenapa berbeza-beza, ia juga mengambil kira dari perkara-perkara lain selain daripada kita mengambil kira jumlah penerima dan juga harga meter.

Kalau kita lihat yang pertama di Kluang, 34 penerima dengan harga RM645 satu meter. Kita lihat jarak di antara rumah dengan tempat kita hendak membekalkan itu adalah antara lima kilometer hingga 20 kilometer. Jadi harga dia yang selalu kita fikirkan, harga adalah

berdasarkan kepada kuantiti. Kalau kuantiti itu banyak, maknanya harganya sepatutnya menjadi lebih rendah.

Kita bezakan pula dengan nombor dua. Penerima faedah RM135, unit meter 500 tetapi jarak untuk kita membekalkan meter-meter tersebut adalah 15 kilometer hingga 20 kilometer untuk satu rumah. Kita *relate* balik dengan apa yang saya perjelaskan tadi. kedudukan kampung-kampung ini. Maknanya ia menghadapi masalah kesukaran untuk kontraktor-kontraktor membawa bekalan tadi ke kampung-kampung berkenaan.

■1120

Perkara ini diambil kira oleh pihak kontraktor untuk menetapkan kos sesuatu kerja. Kalau kita lihat juga jalan-jalan untuk kita sampai ke perkampungan Orang Asli ini bukannya sama, ada yang ekstrem. Kadang-kadang itu bukan sahaja boleh digunakan oleh kenderaan, kita terpaksa pikul. Makna dua tiga cara untuk sampai ke tempat di mana mereka perlu melaksanakan projek-projek kita.

Jadi, itulah antara lainlah iaitu kerana ia mengikut kos pengangkutan, kos buruh dan kos ekstrem dan juga keadaan kampung tadi. Sebab itu kalau kita lihat daripada segi harga dan juga jumlah meter yang kita bekalkan itu tidak sama, Yang Berhormat. Kalau kita lihat, yang paling jauh iaitu 30 hingga 40 kilometer, contohnya, untuk di Kuala Lipis, maknanya RM310 di situ satu meter kita akan bekalkan pada 180 buah rumah. Jadi itulah yang pihak JAKOA apabila kita menimbang satu perkara, kita melihat kepada perkara-perkara tersebut.

Kalau kita lihat juga, untuk kos yang pertama, untuk yang di Kluang, harga-harga yang diletakkan oleh kontraktor-kontraktor yang mengambil bahagian dalam kerja-kerja ini lebih kurang sama sahaja. Kita bezakan antara— kalau kontraktor A contohnya, maknanya kita akan buat perbandingan berdasarkan apa yang diberikan oleh kontraktor-kontraktor yang mengambil bahagian dalam setiap satu tender. Makna dia memang tidak samalah. Jadi untuk yang pertama tadi itulah harga yang terbaik yang menguntungkan pihak kerajaan untuk kita memilih Syarikat EFA Enterprise untuk melaksanakan pemasangan air retikulasi di Mersing. Itu penjelasan di pihak JAKOA lah. Kita lihat kepada...

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah: Tuan Pengerusi, boleh mencelah sedikit Tuan Pengerusi? Boleh tanya sedikit?

Encik Mohd Jamalludin bin Kasbi: Ya, ya.

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah: Hendak tanya, ini yang dipasang meter ini semuanya daripada air daripada grid daripada loji ya? Ataupun air daripada sumber daripada gunung, bukit dan sebagainya ataupun yang bermeter ini?

Encik Mohd Jamalludin bin Kasbi: Daripada sumber yang telah dijelaskan tadi. Maknanya semua tadi kalau kata kampung A kita akan berdasarkan kepada satu sumber, kalau

sumber itu daripada gunung, air yang sama juga akan pergi situ. Jadi samalah maknanya, dari *source* yang sama.

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah: Air gunung, air dari bukit itu ia dirawat, sambung ke rumah, pasang meter?

Encik Mohd Jamalludin bin Kasbi: Ya tetapi ia melalui proses-proses tadilah. Kita tanggung dulu dalam satu tempat, kita buat...

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah: *I see, I see.* Jadi yang *you* kira sini yang dari gunung itu kira *raw water* lah ataupun dari sungai *raw water*. Saya faham.

Encik Mohd Jamalludin bin Kasbi: Betul, betul.

Tuan Haji Abdul Rashid bin Yaakub: Tuan Pengerusi, sebenarnya isu yang kita bangkitkan adalah keperluan meter tersebut sedangkan air itu tidak ada siapa pun baca meter, hendak tengok itu. Kenapa perlu ada meter tersebut dibekalkan sedangkan air itu tidak disukat setiap bulan kah, setahun sekali kah? Jadi keperluan itu nampak apa— itu sahaja.

Encik Mohd Jamalludin bin Kasbi: Terima kasih Tuan Haji. Isunya ialah isu kenapa pihak JAKOA memasang meter, itu isu dia. Apa yang saya cerita tadilah bagaimana proses-proses tadi. Sebenarnya untuk bekalan air alternatif ini, sebelum ini kita tidak mengenakan atau menetapkan pemasangan meter. Oleh sebab alternatif ini adalah percuma kepada masyarakat Orang Asli, apa yang kita buat ialah kita memberikan kemudahan kepada mereka untuk membekalkan air.

Tetapi kita merasakan perbelanjaan yang dikeluarkan oleh pihak kerajaan bagi pembangunan — bukan sahaja masyarakat Orang Asli tetapi di sini adalah masyarakat Orang Asli — untuk bekalan air adalah terlalu tinggi. Jadi apa yang kita cuba laksanakan di sini ialah dengan pemasangan meter ini, kita boleh memantau penggunaan air untuk setiap isi rumah. Macam saya cakap tadi, sikap ataupun pertimbangan masyarakat Orang Asli ini oleh sebab mereka merasakan air itu datang daripada sumber semula jadi, jadi dari segi kawalan itu memang tidak ada.

Jadi tujuan kita memasang meter ini, oleh sebab aliran air tadi daripada meter kepada rumah pertama hingga rumah-rumah seterusnya ia akan menggunakan satu paip, apabila katakan rumah pertama menggunakan air terlalu banyak tanpa sebarang kawalan, ia akan menjejaskan *supply* air di rumah-rumah yang berikutnya. Itu yang berlaku. Tuan Pengerusi sendiri pun sedari. Masalah sekarang ini apabila dia tidak melakukan pengawalan terhadap air tersebut, oleh sebab tidak menggunakan meter, jadi orang yang belakang ini tidak akan dapat air. Jadi dengan cara kita mengenakan caj penggunaan air itu, kita berharap kita cuba mendidik masyarakat Orang Asli ini supaya berjimat cermat dan menggunakan air tadi berdasarkan keperluan mereka sahaja. Itu tujuan kita memasang meter tadi.

Kemudian daripada segi kos penyelenggaraan. Setiap pemasangan sistem air retikulasi yang kita laksanakan, ia melibatkan kos penyelenggaraan yang tinggi. Untuk satu-satu kos penyelenggaraan untuk satu bulan, kita perlu membayar RM5,000 ke RM6,000 untuk satu penyelenggaraan dan kos yang terlibat adalah banyak. Bayangkanlah kalau kata 300 buah kampung, 400 buah kampung yang terpaksa melalui proses-proses ini, ia akan menjejaskan daripada segi perbelanjaan kerajaan. Jadi bagi membantu pihak kerajaan, pihak JAKOA merasakan inilah caranya yang kita boleh bantu walaupun tidak banyak tetapi kita akan mulakan dengan perkara-perkara yang kecil. Kalau kita boleh mendidik masyarakat Orang Asli ini boleh berjimat cara itu, jadi kita cuba. Jadi itu tujuan kita memasang meter itu tadi, oleh sebab aduan ketidakdapatan air ke kampung Orang Asli ini memang terlalu tinggi, jadi oleh sebab mereka salah satunya berpunca daripada sikap tadilah.

Kemudian...

Encik Rosli bin Yaakub: Yang Berhormat Tuan Pengerusi, pada pemahaman saya di peringkat awal dahulu semasa *exit conference*, isu yang dibangkitkan oleh Audit ialah sumber air ialah air percuma, cuma air itu dirawat melalui peruntukan kerajaan tetapi daripada sumber air percuma itu dipasang meter. Isu yang Audit bangkitkan ialah kenapa meter perlu dipasang sedangkan air percuma? Itu satu.

Ini kerana kos untuk memasang meter ini saya lihat tinggi. Tapi kalau tujuan Jabatan Orang Asli untuk mendidik, saya ingat ini bukan kaedah yang sesuaialah. Mungkin ada cara *educate* yang berlainan daripada meletakkan kos untuk mendidik. Kalau ikut KP tadi mengatakan ini bertujuan untuk mendidik tetapi saya ingat macam tidak berapa sesuaialah. Kos yang terlalu tinggi hanya untuk mendidik berjimat cermat tetapi ada kaedah lain yang boleh digunakan untuk mendidik. Itu satu.

Sebenarnya tidak perlu pun ada meter ini pada peringkat awal tetapi dipasang juga meter dan akhirnya meter itu pun tidak dibaca dan akhirnya sebahagian meter tidak digunakan dan nampaknya memang berlaku pembaziran ini, Yang Berhormat. Itu isu yang dibangkitkan oleh Audit.

Encik Mohd Jamalludin bin Kasbi: Yang Berhormat Tuan Pengerusi, saya bersetuju dengan apa yang dibangkitkan. Memang air itu asalnya daripada sumber percuma, semula jadi tetapi ingin jelaskan di sini, makna pihak kerajaan terpaksa membelanjakan peruntukan-peruntukan atau kos-kos yang lain bagi membina kemudahan-kemudahan sebelum air itu sampai. Apa yang dibangkitkan tadi sebagai — mungkin cara tadilah mungkin berdasarkan kepada apa yang kita buat, mungkin di peringkat ini mungkin belum masanya kita mengenakan caj ini oleh sebab mungkin kita tidak ada konsultasi dengan Orang Asli, mungkin kita belum bersedia.

Cuma yang keduanya, mungkin daripada segi kenapa tidak menggunakan meter tadi. Daripada segi kontrak, sebenarnya masih lagi dalam tempoh penyelenggaraan syarikat yang kita lantik. Mungkin masa tadi tidak sesuai. Kalau kita kenakan caj tersebut selepas tempoh penyelenggaraan telah selesai, mungkin perkara ini tidak menjadi masalah. Jadi mungkin daripada segi masa tadi, apa yang kita buat itu mungkin mendahului apa yang sepatutnya kita buatlah. Itu bangkit di situlah.

Cuma, saya kena akui memang meter tersebut tidak kita gunakan pada tahun berkenaan oleh sebab tempoh penyelenggaraan sistem alternatif tadi yang telah kita berikan kepada pihak kontraktor masih lagi berlaku.

Tuan Pengerusi: Ada *pros and cons* di sini. Kalau pasang meter itu, sepatutnya kita baca meter itu. Jadi biar dia tahu sedikit. Saya tahu Pulau Tioman pun sekarang ini air pun tidak ada meter sebenarnya. Maknanya ada *tendency* Orang Asli ini kalau tidak dikawal, dia buka paip pun tidak tutup. Dia tidak akan tutup paip itu, dia keluar... Makna kalau kita rawat banyak mana pun tidak cukup.

Seorang Ahli: [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

Tuan Pengerusi: Perangai itu, dia buka saja.

Seorang Ahli: [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

Tuan Pengerusi: Itulah. Maknanya meter ini sepatutnya kita bacalah. "*Ha, awak guna tahap banyak ini, awak guna banyak ini.*" Tidaklah membazir sangat meter itu.

■1130

Lebih membazir bila kita tidak baca meter itu.

Encik Mohd Jamalludin bin Kasbi: Mungkin daripada persediaan kita kena mendidik macam mana kita hendak menggunakan meter tersebut itu. Mungkin dari segi maknanya berdasarkan apa yang kita dapat. Selepas itu memang Orang Asli itu kata dia belum bersedia.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Tuan Pengerusi, saya ingin minta penjelasan sedikit soal sebelum projek itu dilaksanakan, sebelum sesuatu projek itu dilaksanakan ada atau tidak BQ atau *scope of work* itu diteliti sebelum dilaksanakan termasuklah keperluan memasang meter air yang terawat kononnya daripada bukit-bukit. Adakah diperiksa dengan konsultan sebelum diberi projek ini kepada kontraktor?

Dato' Mohd Arif bin Ab Rahman: Tuan Pengerusi, saya cuba membantu. Saya rasa dari segi BQ itu rasanya semasa kita *award* kepada kontraktor itu perkara itu memang dilihat dari segi BQ dan *design* dan juga keperluan. Di sini soalnya Yang Berhormat, macam Tuan Pengerusi cakap tadi Orang Asli ini memang sudah dia sepanjang hayat dia dapat air daripada *dam* dan daripada sungai. Memang *free*. Jadi isunya bila kita pasang meter ini dia kata apa menyusahkan dia pula.

Sebenarnya semasa JAKOA buat idea ini sebenarnya memang kita akui JAKOA tidak bawa *paper* dasar kepada kementerian. Inilah sepatutnya bila ada perubahan dia patut bawa kepada jawatankuasa dasar untuk diputuskan. Ini memang ada kelemahan yang kita akui. Kemudian idea JAKOA saya rasa bagus macam tadi, Orang Asli ini memang air dia memang dia buka sahaja. Jadi macam air itu kalau misalnya sudah habis, tangki itu lima juta liter satu hari, kalau sudah habis air itu bila pula hendak menunggu esok hendak penuh. Tidak boleh.

Jadi itu idea daripada JAKOA itu kemungkinan untuk mendidik itu mungkin wajar sebab air terawat ini misalnya memang kontraktor akan memberi *warranty* katakanlah dua tahun. Selepas *warranty*, JAKOA hendak didik mereka ini supaya kalau adalah setiap rumah sebulan boleh tambah, boleh dapat 2,000, kos untuk sebulan kontraktor ialah 5,000. *At least* JKK itu boleh dapat duit sikit untuk menampung. Oleh sebab dulu awal pun *maintenance* tidak ada, kerajaan tidak luluskan *maintenance*. Itu dia. Kos *maintenance* tidak ada. Jadi itu yang JAKOA fikir kalaulah JAKOA dapat membantu kerajaan ini mereka ini ada meter boleh bayar sebenarnya itu.

Sebenarnya kita pun tidak minta yang JAKOA ini kutipan ini akan membantu keseluruhannya. Akan tetapi kita hendak mendidik mereka bila air terawat memang ada meter supaya mereka tidak boleh satu hari boleh biarkan air itu mengalir sewenang-wenangnya oleh sebab penggunaan air ini....

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh: Okey, Okey. Saya hendak *interrupt* sikit. Dalam BQ itu alasan untuk letak...

Dato' Mohd Arif bin Ab Rahman: Meter.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh: ...Meter semata-mata untuk mendidik Orang Asli? Itu dia.

Dato' Mohd Arif bin Ab Rahman: Dia tidak kata mendidik Yang Berhormat. Dia pasang...

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh: Ini kalau saya. Saya mahu dijawab. Semata-mata untuk mendidik Orang Asli, betul?

Dato' Mohd Arif bin Ab Rahman: Bukan. Dia bukan itu. Sebenarnya ialah untuk membantu. Bila selepas dua tahun nanti *warranty* tidak ada, *warranty* sudah habis. *Maintenance machine* itu kita kena buat. Jadi kalau kos *government* tidak beri, masa itu *government* memang tidak beri, apa akan jadi? Jadi JAKOA fikir kalaulah dapat daripada kutipan ini dapat menampung sebahagian juga. *At least* ada *maintenance* boleh dibuat. Jadi itu dalam masa yang sama...

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh: Okey, okey. Faham itu. Saya faham. Saya rasa ini satu usaha untuk kerajaan dan JAKOA untuk memberi kesedaran kepada masyarakat Orang Asli. Apa yang keperluan untuk masyarakat awam, keperluan untuk bermeter. Akan tetapi

dalam segi pelaksanaan Jabatan Kemajuan Orang Asli ini, ada atau tidak memeriksa meter-meter ini diambil kira dan memberi penerangan selanjutnya kepada masyarakat Orang Asli. Ada atau tidak? Kalau tidak ada, saya rasa itu menjadi persoalan besar. Betul? Ada atau tidak dilaksanakan turun padang ini, Orang Asli meter ini kita ajar kamu supaya berhati-hati bagaimana menggunakan air. Ada? Ada?

Dato' Mohd Arif bin Ab Rahman: Dari segi *engagement* itu rasanya ada. Saya rasa salah satu daripada yang *acceptability* itu adalah *engagement*. Kemungkinan idea itu dibuat tanpa membuat *engagement* yang sewajarnya, terus pasang. Jadi itu yang *shock* bagi mereka. Rasanya macam Yang Berhormat bangkitkan itu kemungkinan bagi saya sebahagian itu kemungkinan itu betul. Manakala yang *engagement* awal kita tidak ada buat, terus kita buat, kita *implement* jadi Orang Asli *shock*. Jadi dia tidak boleh terima.

Jadi untuk makluman Tuan Pengerusi dan juga Ahli-ahli PAC, kelmarin pun kita ada berbincang, audit pun ada bangkitkan tentang masalah air. Akan tetapi isu air untuk bulan November. Akan tetapi air di Semenanjung pula, air Semenanjung. Jadi memang adalah isu-isu yang tentang Negeri Sembilan dan Pahang ini 90% air yang retikulasi semua ini memang kawasan Orang Asli tidak pasang meter. Bila audit pergi, meter itu disimpan sahaja. Bukannya hilang, disimpan. *[Ketawa]* Ini *real*.

Jadi memang dalam *meeting* itu saya beritahu Tuan Pengerusi tanggungjawab kementerian sudah selesai, tanggungjawab kementerian selesai sampai kita pasang air. Akan tetapi untuk pasang air ke rumah ialah syarikat air berhad. Ya, kalau macam di Pahang mungkin PAIP. Kalau di Negeri Sembilan ada SAINS. Kita pun sudah hari itu sudah, semalam pun saya sudah bercakap kita kena baik kementerian, baik syarikat dan JAKOA, kita kena berfikir lebih luas dalam kajian RMKe-11. Kalau masing-masing mengatakan bahawa tanggungjawab sudah selesai, sampai situ selesai, sampai sana orang lain. Kita tidak akan dapat sampai bila-bila RMKe-20 misalnya masalah air tidak akan boleh selesai.

Jadi apa yang saya cadangkan kepada mereka kalau syarikat, syarikatlah kena pergi cari orang itu untuk pasang. Oleh kerana kalau dia tidak pasang, kutipan tidak ada, *on paper lost, lost paper*. Akan tetapi adakah kalau syarikat dia, tidak akan dia tidak mahu cari *client* dia. Ah, itu. Jadi itu yang saya kata kalau boleh misalnya kos pemasangan air ini sebenarnya ialah kos meter, ada lebih kurang katalah RM600. RM600 ini kemungkinan bebanan kepada Orang Asli, bebanan. Selama ini dia tidak ada apa. Dia kata berpuluh-puluh tahun, anak dia sampai atuk dia, dia pakai air sungai tidak mati pun. Yang hendak pakai terawat buat apa? Jadi kita hendak didik dia supaya dia kena pakai air terawat, minuman, penyakit-penyakit, anak dia semua, macam itulah.

Jadi memang sekarang ini memang ketiga-tiga pihak kena bekerjasama. Apa yang saya sarankan mereka nanti supaya macam di Sarawak contohnya elektrik. Memang SEB

untuk rumah panjang itu kos memasang itu pun menjadi isu masa *election* dulu. Oleh sebab kita pasang hantar elektrik sampai tiang, hendak masuk ke rumah meter dia pasang dalam rumah mereka. Akan tetapi dia kata mana ada, air ada, api tidak ada.

■1140

Kita kata sudah selesai. Jadi, Sarawak dia buat tabung. Maknanya orang boleh pinjam. Dia sediakan pinjaman. Ada akaun amanahnya, orang itu boleh pinjam. Dia beri lebih kurang dalam RM400, boleh potong tiap-tiap bulan dalam meter. Jadi ini saya rasa satu langkah yang bagus.

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah: RM800.

Dato' Mohd Arif bin Ab Rahman: RM800, ya?

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah: Ya.

Dato' Mohd Arif bin Ab Rahman: Nasib baik ada Yang Berhormat Limbang. *[Ketawa]* Jadi pasal itu saya kata kalau dapat dibuat, saya kata tidak usahlah buat— pasal apa keadaan pun syarikat ini, saya kata, ini *investment*. *Investment* takkan *you* hendak potong bulan itu kalau RM800, RM800? Akan tetapi maknanya lima tahunkah. Jadi makna...

Tuan Pengerusi: Jadi penyelesaiannya apa yang nampaknya? Sebab saya dengar dan baru ini saya telefon Dato' Haji Jamaluddin, kebanyakannya ia masih tidak berfungsi dengan baik lagi, ya.

Dato' Mohd Arif bin Ab Rahman: Itulah. Jadi sekarang ini, yang kita...

Tuan Pengerusi: Yang Pahang itu...

Dato' Mohd Arif bin Ab Rahman: Yang 809 ini...

Tuan Pengerusi: Ya.

Dato' Mohd Arif bin Ab Rahman: Yang 809 ini kita dah pasang dah. Cuma sekarang ini kebetulan, kita beritahu, kerajaan beri pula kos *maintenances* sekarang.

Tuan Pengerusi: Kalau suruh syarikat bekalan air ambil alih, tidak boleh?

Dato' Mohd Arif bin Ab Rahman: Ya, tetapi kalau yang...

Tuan Pengerusi: Jauh?

Dato' Mohd Arif bin Ab Rahman: Ya.

Tuan Pengerusi: Tidak. *I mean* dia ambil alih...

Tuan Haji Abdul Rashid bin Yaakub: Tak *economic*.

Tuan Pengerusi: Tidak. Dia stesenkan orang dia di sana? Tidak boleh ya? *[Disampuk]* Tidak ekonomik, tidak ada hasil, ya.

Dato' Mohd Arif bin Ab Rahman: Akan tetapi Tuan Pengerusi, yang ini yang terawat ini ia tidak boleh. Kalau yang macam syarikat, retikulasi itu memang tanggungjawab dia. Ini yang terawat ini yang kita ambil daripada *dam*. Ia bukan ada meter di sana. Tanggungjawab syarikat tidak ada. Lain. Retikulasi itu memang paip air itu yang memang itu tanggungjawab

syarikat. Dia pakai *dam*, dia sambung semua, dia tukar paip. Itu syarikat kena cari orang itu. Kalau dia tidak *connect*, dia kena cari. Kalau tidak, *paper lost* lah.

Tuan Pengerusi: Ia begini. Masalah sekarang ini, ekologi dan sistem sudah berubah *and then*, masyarakat Orang Asli makin *suffer* saya nampak. *Natural water* pun sudah beralih, sudah susah. Kalau kita tidak *improved* kan *supply* dia, saya ingat bermasalahlah Orang Asli ini. Macam di Ganung, saya pergi di Ganung kampung Orang Asli, pembalakan semua di situ, jadi sumber air itu sudah makin berkurang. Jadi kalau sistem yang dicadangkan itu tidak berkesan, susah mereka. Apa nama syarikat itu? *Washington*?

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah: Rossington.

Tuan Pengerusi: Rossington. Syarikat itu sudah *failed*, bukan? Kemudian kita ambil alih syarikat lain, bukan?

Encik Mohd Jamalludin bin Kasbi: Ya. Betul, Tuan Pengerusi. Rossington itu ada 71 buah kampung yang diperanggarkan.

Tuan Pengerusi: Seluruh negara?

Encik Mohd Jamalludin bin Kasbi: Ya, seluruh negara tetapi benda itu di Pahang.

Tuan Pengerusi: Pahang saja.

Encik Mohd Jamalludin bin Kasbi: Ia sudah memang ada masalah dan sekarang ini kita sudah lantik kontraktor baru Eco Builders untuk buat *maintenance*. Sekarang kita hanya menerima 33 buah kampung sahaja yang diletakkan di bawah JAKOA yang telah diserahkan kepada JAKOA untuk kita jaga. Jadi ada lagi 38 buah kampung lagi yang masih belum. Jadi itu masalah yang selalu timbul.

Tuan Pengerusi: Ini Jabatan Audit Negara sudah pergi, bukan? Ini akan keluar...

Encik Mohd Jamalludin bin Kasbi: Tetapi itulah, untuk membantu itu, kita bekalkan air secara tangkilah. Kita akan edarkan air kepada mereka untuk tujuan minuman...

Tuan Pengerusi: Akan tetapi...

Encik Mohd Jamalludin bin Kasbi: Akan tetapi macam Tuan Pengerusi katalah, ia...

Tuan Pengerusi: Ia tidak selesaikan masalah.

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah: Tuan Pengerusi, tadi cerita fasal *collection* daripada tiap-tiap rumahlah, RM6, bukan? Sehingga sekarang ini dalam rekodlah, berapakah yang telah pun dikutip daripada...

Tuan Haji Abdul Rashid bin Yaakub: Tidak ada.

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah: Langsung? Satu sen pun tidak ada?

Tuan Haji Abdul Rashid bin Yaakub: Meter tak pernah baca.

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah: Oh, tak pernah baca. So, ia jadi *non-revenue water (NRW)* semualah. [Ketawa]

Encik Mohd Jamalludin bin Kasbi: Dalam perjumpaan kita dengan wakil penduduklah, untuk negeri Perak ini, sebenarnya telah kita bincangkan dan menjelaskan cadangan ini, dia tidak bersetuju sebenarnya. Maknanya dia minta kalau boleh biarlah JAKOA yang ambil tindakan atau tanggungjawab untuk membantu dia. Bukan JKK atau apalah. Maknanya dari segi kemampuan, atau apa, memang dia kata dia tidak mampu.

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah: Tuan Pengerusi, mungkin apa yang difikirkan itu yang sebenarnya dari pengalamanlah sebab di tempat kita pun ada satu kawasan di Telok Brunei memang jauh daripada grid, ia ambil air daripada air hujan, masuk dalam tangki bawah tanah, jadi sumber kira percuma. *Then*, loji itu pun daripada solar, semuanya percuma.

Akan tetapi inilah tadi apa yang disebutkan oleh KSU itu mungkin ada kebenarannya sebab saya terbabit dalam perbincangan dan kampung *suggestion* sekurang-kurangnya satu buah rumah RM5 bayar. Kalau tidak, tidak boleh tahan hendak rawat air itu dalam tangki itu sebab kalau tidak dia buka — tepi laut, harap air hujan selama ini. Kalau sudah ada air yang terawat ini — kalau tidak, dia biar buka macam itu sahaja. Jadi satu, duit itu memang digunakan oleh kampung ini sendiri untuk baiki apa-apa permasalahan dengan loji itu sebenarnya. Mana yang boleh dibaikilah. Kalau *major* itu *periodical* punya *maintenances* itu mungkin tidak boleh. Jadi mungkin tujuan itu begitu tetapi *collection* itu kena buatlah. Itu yang kena mesti ada yang sebenarnya, betul tidak?

Encik Mohd Jamalludin bin Kasbi: Itu Tuan Pengerusi, sekarang ini kita dah pasang, maksudnya habis sahaja waranti ini maksudnya memang patutnya JAKOA kuatkuasakan untuk pasang. Kena pasang.

Tuan Pengerusi: Saya nampak ya — saya bukan hendak kata apa tapi Rompin ini adalah antara masyarakat Orang Asli yang termaju juga ya di negeri Pahang ini. Kalau saya *compare* negeri Pahang, Rompin masyarakat Orang Asli yang maju. Itu pun nampak bila hendak suruh bayar ini... [Ketawa] Tapi kita kena juga. Kalau tidak, susah *long terms*. Macam mana kita hendak kena? Sekarang damar sudah tidak ada, rotan tidak ada, hendak caj begini pula, dia kata... [Ketawa]

Orang Tioman di Pulau Tioman itu semua air *free* lagi. Baru ini saya berhubung dengan TKSU punya pembangunan suruh pergi melawat Pulau Tioman. Orang Tioman pun *free* lagi, tidak caj lagi sebab air bukit semua. Itulah, saya suruh pasang meter itu pun masalah di Pulau Tioman. Akan tetapi secara *long term* kita kena ada *element of charges* kerana *it related to responsibility*. *Slowly* kena buat.

Tuan Haji Abdul Rashid bin Yaakub: Tuan Pengerusi, cuma saya hendak tanya, dari segi dasar sekarang itu setelah dibangkitkan hari itu melalui sesi *exit conference*, kita belanja satu meter *stand* untuk hendak buat meter *stand* itu RM300, campur meter dalam RM80 hingga RM60, so RM360 untuk satu kita hendak baca, adakah dasar sekarang ini diteruskan?

Maksudnya sekarang untuk projek-projek akan datang, keperluan meter *stand* dan meter ini masih diambil kira dalam pelaksanaan projek-projek?

Cuma macam saya kata tadi, macam Yang Berhormat Jasin kata tadi, mungkin *collection* tadi memang kita boleh buat tetapi *collection* secara pukallah. Maksudnya RM5 kah untuk satu buah rumah, bukan — *because* kos-kos yang kita hendak mengadakannya terlalu tinggi dan juga untuk hendak membacanya pula, siapa dia? Adakah JAKOA yang akan— dah kita fikirkah siapa pula yang akan pergi baca tiap-tiap bulankah atau dua bulan sekali? Siapa yang akan pergi baca meter-meter tersebut? Itu sahaja, Tuan Pengerusi.

Dato' Mohd Arif bin Ab Rahman: Okey, Tuan Pengerusi. Saya jawab Yang Berhormat Tuan Pengerusi, ya. Sebenarnya bila *government* ini— ya lah, *government* untuk rakyat tetapi memang ranking kita tanpa subsidi pun kita jatuh ranking kita. Akan tetapi tanggungjawab kerajaan ini kita tidak boleh macam berniaga. Kalau berniaga kita *invest* RM100, kita akan dapat RM110 supaya ada *profit margin*. Akan tetapi ini tidak boleh. Apa yang saya katakan tadi, di mana kita bukan— duit kutipan itu yang boleh membantu ataupun sama nilai dengan kos *maintenance* *because* kos *maintenance* satu bulan ialah RM5,000. Kalau dapat RM2,000 ini pun sebenarnya, kalaulah misalnya dia dapat balik, yang dapat RM2,000 lebih ini ialah JKK. JKK kadang-kadang boleh buat aktivitikh atau apa semua, pakailah, tidak ada apa. Jadi kita, kita buat supaya mereka tahu.

Cuma, meter ini macam Tuan Pengerusi kata tadi, kita kena *educate* mereka kena ada, kena buat sebab apa yang kita buat ada kos. Itu dia. Akan tetapi kalau kita hendak kata, *A to A*, susahlah. Hendak bandingkan *A to A* itu memang susah. *Apple to apple* tidak boleh. Jadi kita dapat sedikit itu pun okey. Kalau kita hendak caj dia lagi tinggi memang tidak boleh. Memang prosesnya lama untuk dia hendak *educate*. Hendak pasang meter ini pun, Jabatan Audit Negara pergi pun dia simpannya. Dia simpannya meter itu — bukan dia kata hilang, tidak hilang — dia tunjuk dengan Jabatan Audit Negara, ini meter.

■1150

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh: Boleh tanya pasal pemasangan meter ini. Ada tidak pihak JAKOA memantau pelaksanaan projek-projek masyarakat Orang Asli ini, terutama sekali pemasangan meter? Siapa sebenarnya bertanggungjawab untuk memasang meter ini? Sebab ada dalam laporan ini, meter tidak dipasang dan disimpan sahaja. Adakah kontraktor yang bertanggungjawab untuk memasang yang ada kepakaran untuk memasang atau dibiarkan kepada Orang Asli yang langsung tidak tahu apa erti meter? Kalau pendidikanlah yang dikatakan tujuan utama untuk pemasangan meter.

Dato' Mohd Arif bin Ab Rahman: Yang Berhormat, memang kontraktor pasang. Bila siap, kita sudah tengok, kontraktor pasang. Tetapi, macam biasalah Orang Asli ini dia pusing sahaja, dia pun ada beli playar. Kalau sudah ada meter nanti dia kata orang baca meter, jadi

meter itu dia simpan, hendak baca apa? Tidak boleh baca, jadi itu disimpannya, itu sebabnya. Jadi memang kita – *company* memang dia pasang, sudah selesai kita nampak sudah cek pasang baru kita bayar. Cuma balik tadi yang Jabatan Audit tanya siapa yang baca meter itu? JKK, dia setuju. Itu sebabnya JKK ini kita ada bayar RM800 apa semua, elaun apa semua. Jadi memang tanggungjawab dia, kita kata tanggungjawab dia untuk dia semak. Kita pun kalau JAKOA pun – tetapi setakat baca meter itu dahulu berapa sekarang berapa. Maksudnya JKK Orang Asli sekarang ini pun kita hantar mereka baru-baru ini master, PhD bukannya apa.

Kadang-kadang anak Orang Asli ini pandai-pandai dah sekarang, bukan macam dahulu. Jadi setakat main meter itu rasanya sekolah pun dia boleh baca, dia boleh. JKK buat. Kita tidak memerlukan lagi pembaca meter dari jabatan bekalan air.

Tuan Pengerusi: Mungkin JAKOA kena buat satu perancangan yang lebih...Masalah Orang Asli ini. Bagi kawasan pendalaman yang punca air pun sudah makin bermasalah. Ekologi penebangan balak, hutan berubah. Itu kena buat.

Dato' Mohd Arif bin Ab Rahman: Kalau dia pasang *tube well* pun maksudnya kena ada sistem yang baru.

Tuan Pengerusi: Mesti ada...

Dato' Mohd Arif bin Ab Rahman: Entah-entah berapa lapis pun air...

Tuan Pengerusi: Sudah tak ada. Macam di Denai itu masin, payau. Bukan masin tetapi payau. Itu pun sebab apa, tidak tahu?

Seorang Ahli: Paya lah...

Tuan Pengerusi: Tidak, payau. Saya pun pelik kenapa payau. Kata sudah *manage to overcome that problem. I'm not sure*. Mandi bolehlah, payau, itu peliknya. Jauh juga Kampung Denai itu jauh dengan kuala itu. Ada orang teknikal tak? Itu kena kajilah tetapi secara keseluruhan ini bekalan air luar bandar ini kena Orang Asli kena kaji secara lebih *detail* dalam dan perancangan masa panjang. Kena buat *solution* jangka panjang. Maknanya begini, kalau terpaksa pasang paip yang melibatkan berjuta-juta, lebih baik pasang paip daripada buat sistem. Umpamanya saya ambil contoh Denai ke Piambu, enam kilometer di kawasan saya Rompin, Piambu ke Denai. Maknanya kalau terpaksa pasang paip, sistem paip, paip biasa. Pasang paip lebih mahal sedikit tetapi *long term* lebih untung, tak payah buat sistem tetapi pasang paip lagi bagus. Bagi geran. *For good*.

Dato' Mohd Arif bin Ab Rahman: Sistem retikulasi itu mudah selepas itu kemungkinan kita boleh automatik ada meter, hasil kepada negeri balik kan?

Tuan Pengerusi: Saya ingat begitu, panjang pun tak apa, lebih belanja awal tak apa tetapi *for sure long term* kalau ingat dalam 10 kilometer, 15 kilometer daripada *main pipe*, *better* pasang paip daripada pasang sistem yang berasingan.

Dato' Mohd Arif bin Ab Rahman: Okey. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah: Tentang ini pedalaman di luar bandar, kawasan-kawasan yang di luar grid, Tuan Pengerusi. Mungkin kalau kita melihat di tempat lain pun, di negara lainlah, kalau kawasan itu kawasan penduduk yang *not worth, economically not viable*, kadang-kadang hendak sambung daripada grid terlalu jauh. Kadang-kadang dia orang ini kita ambil contoh Turki, di kawasan pedalaman dia semua dia ambil air dari gunung, dia buat loji kecil untuk kawasan penempatan-penempatan. Dia tak ambil kalau hendak sambung paip beratus kilometer, tak ada, tidak logik. Memang dia bangunkan begitu tetapi sistem yang dia buat itu – ya. Sepanjang jalan dari *east-west* itu dia guna ambil dari gunung untuk penempatan-penempatan di sepanjang jalan. Ini kira luar bandarlah. Itu yang sepatutnya satu kita lihat.

Keduanya lagi ialah kadang-kadang kita tengok kawasan yang sampai tempat grid, yang ada grid juga daripada loji rawatan. Kadang-kadang pun kalau di luar bandar, bukan pedalamanlah, luar bandar atau pinggir bandar ada bekalan air terawat pun orang tak boleh hendak sambung, tak mampu hendak sambung. Itu yang pernah dahulu kita suarakan, apa salahnya dalam projek pemasangan paip macam saya cakap ada enam kilometer untuk penduduk kampung sepanjang itu, harga pemasangan sampai ke rumah itu dimasukkan.

Jadi selepas itu dipotong tiap-tiap bulan sebagaimana SEB buat untuk bekalan elektrik Sarawak. Kadang-kadang kita sebagai wakil rakyat mungkin kena sindir, “*YB paip melintas depan rumah kita, kita pegang sejuk sahaja paip itu, hendak sambung tak mampu*” dia kata. [Ketawa] Sebab memang betul pun mahal. Dia ikut rumah jauh daripada paip makin mahal, itu memang logiklah. Meter makin panjang, grid daripada paip melintas jalan nak ke rumah makin jauh, dia akan makin mahal. Itu memang *forsure*. Jadi kos-kos begini kalau dapat dimasukkan jadi...

Dato' Mohd Arif bin Ab Rahman: Maksud dia, *government* beri *advance*, bukan bantu, *advance* dahulu selepas itu tolaklah tiap-tiap bulan.

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah: Yang sebenarnya bukan Orang Asli sahaja, orang kampung pun kadang-kadang setengahnya tak mampu. Kalau jalan itu jalan terpaksa potong jalan, kena buat pemotongan jalan *asphalt* itu *and then* kebetulan paip itu pula di seberang jalan, tengoklah RM1,000 pun sampai hendak sambung ke rumah. Itu yang dia kata YB pegang paip ni, sejuk sahaja paip ni tetapi hendak minum tak boleh. [Ketawa]

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh: Okey, itu memang satu daripada Tuan Pengerusi usaha kerajaan yang cukup-cukup murni. Ini satu isu yang sering diperjuangkan oleh wakil-wakil rakyat untuk membantu masyarakat-masyarakat luar bandar terutama sekali masyarakat Orang Asli. Hasrat kerajaan ini memang baik dan JAKOA telah dipertanggungjawabkan untuk melihat perkara ini dilaksanakan dengan sukses, itu satu. Masalahnya dalam segi pelaksanaan ini kita mesti hati-hati supaya wang yang dibelanjakan, dana yang dibelanjakan oleh kerajaan itu dengan perbelanjaan yang begitu teratur sekali.

Bukan semata-mata untuk menjalankan pelaksanaan itu untuk memuaskan seseorang. Saya tidak menuding jari kepada sesiapa tetapi yang penting pada kita ini kita mesti terlihat ketelusan dan ikhlas membantu masyarakat sasaran yang perlu kita bantu. Jadi kita telahpun membuat beberapa usaha untuk membantu penduduk Orang Asli terutama sekali air-air terawat ini yang amat penting sekali.

Soal dalam pendidikan itu *the other matter*, lain perkara. Soal perbelanjaan menggunakan meter itu saya fikir tidak masuk akal bagi saya sebab di kampung saya di Sabah juga, kita laksanakan graviti. Kita beri *free*, orang kampung senang hati, ia air terawat juga. Kita ada mesin yang merawat graviti ini dan tidak ada meter pun, masyarakat senang. Kalau kita bagi dengan meter ini seolah-olah kita mahu caj Orang Asli ini untuk mendapatkan sumber pendapatan daripada rakyat. *He cannot afford, definitely cannot afford to pay for the bill*. Jangan katakan elektrik, kita bagi dengan *the minimum charge*. Itu tujuan sebenarnya usaha KKLW untuk membantu masyarakat luar bandar.

■1200

Saya berpendapat bahawa apa jua bentuk BQ pada masa akan datang, saya harap JAKOA dapat melihat perkara ini diberi perhatian secara mendalam sebelum apa-apa projek itu diluluskan. Sebab, ini menimbulkan masalah kepada wakil-wakil rakyat di kawasan itu. *It will give a backfire to the government*, memalukan kerajaan sebab kerajaan bagi meter bagi orang-orang yang perlu dibantu. Itu satu yang saya perhatikan.

Tuan Pengerusi: Okey, ambil maklum perkara ini. Audit, ada apa-apa perkara hendak dibangkitkan lagi?

Tuan Haji Abdul Rashid bin Yaakub: Cuma satu soalan yang saya tanya tadi berkaitan dengan — cuma saya hendak baca maklumat maklum balas yang dikemukakan oleh JAKOA semasa kita buat *exit conference* dahulu iaitu, saya baca ya, "*Mulai tahun 2015, JAKOA telah mengambil langkah penambahbaikan dengan mengeluarkan item pemasangan meter dalam dokumen tender yang sedang dilaksanakan dan akan dilaksanakan.*"

[Ahli-ahli berbincang sesama sendiri tanpa menggunakan pembesar suara]

Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]: Saya minta maaf, saya terlambat tadi pasal ada mesyuarat yang lain. Memang perkara ini sebenarnya adalah satu perkara yang terpaksa kita terima hakikatlah bahawa tujuan kerajaan cukup murni sekalilah. Dalam masa yang sama, tiap-tiap perbelanjaan yang kita buat ini kita mestilah *seen we are accountable not only to the government but also to the people*.

Walaupun sebenarnya kita tengok jumlah perbelanjaan ini berjumlah RM22 juta untuk tujuan sebanyak 796 buah rumah tetapi kalau kita tengok daripada kita bahagikan, kos paip ini adalah sebanyak 0.14 peratus daripada jumlah kos. Walaupun sebenarnya paip ini is *something difficult for you to explain why you need the pipe, why you need the meter for? The*

meter is not to, kalau orang kata, untuk hendak menapis airkah, hendak menyekat air, hendak tutup air, tak ada. Tidak ada kegunaan meter ini. Satu.

Yang kedua *you* tengok di sini, saya yakin benda ini di bawah tender, so telah ditender, proses tender. *You* tengok kos untuk satu rumah berbeza antara satu kawasan dengan satu kawasan, jauh sangatlah. Kalau ditengok daripada yang pertama itu, EFFA Enterprise, kos dia RM39,095 satu rumah. Sementara di Batang Padang pula RM28,000 sahaja tetapi di Kuala Lipis RM44,000. Akan tetapi kalau kita tengok Kuala Lipis satu lagi ini, *distance* lagi jauh, 30 meter, kos dia RM22,000 sahaja. Jadi maknanya, perbezaan kos ini sangat ketara sekalilah.

Tuan Haji Abdul Rashid bin Yaakub: Okey, saya tolong jawab. Perbezaan kos ini kita tak boleh gunakan *because* kadang itu dia bergantung pada bilangan rumah yang ada. Mungkin kalau kita sebuah perkampungan kalau ada 100, mungkin kos nampak rendah, tetapi kita buat kampung yang sama, ada 20 sahaja. Itu kenapa jadi nampak perbezaan.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh: Saya *interrupt* sedikit. Soal sahabat saya Yang Berhormat Jasin. Kos meter itu patutnya standard, betul? Standard. Akan tetapi kos yang *additional cost* itu diterangkan kenapa dia lebih daripada kos asal terutama sekali kos pengangkutan logistik misalnya ataupun kos lain-lain. *They shouldn't set like that*. Jangan masukkan dalam kos seunit meter. Ini mengelirukan. Kita punya interpretasi itu lain sudah. Mungkin ada sumber — kau fahamlah itu apa maksud saya.

Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah: Ya, ya.

Encik Mohd Jamalludin bin Kasbi: Betul, Yang Berhormat. Apa yang dimaksudkan itu *lump sum*. Sepatutnya kita kena pecahkan kos meter berapa, kemudian kos *transportation*, kos buruh...

Tuan Haji Abdul Rashid bin Yaakub: Kos meter macam saya sebut tadi, biasanya dia punya *range* antara — kalau harga meter sahaja— antara RM80 hingga RM60 dan *meter stand* sahaja antara RM300. Itu standard. Akan tetapi macam tadilah, dia keseluruhan.

Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah: Ya, okey. Kos *per run* ataupun kos untuk setiap rumah itu berbeza antara satu tempat ke satu tempatlah berdasarkan daripada jumlah rumah. Saya ambil kira itu. Ini kerana kalau kita tengok di sini, ada satu tempat ini, dia punya jumlah rumah dia terbanyak sekali, 354, tetapi kos untuk rumah RM25,565. Akan tetapi kalau kita tengok... *[Disampuk]* Ya? Betul ya? Betul, tetapi kalau rumah kurang, dia pergi sampai RM44,000 — *double*. *Double* harga dia. Akan tetapi kalau kita tengok daripada yang terjauh sekali, kos dia untuk 182 rumah hanya RM22,000 sahaja. Maknanya tidak setaralah kos itu.

[Ahli-ahli berbincang tanpa menggunakan pembesar suara]

Tuan Pengerusi: Saya nampak Orang-orang Asli ini— ini sebagai sampingan sajalah— dia tidak ada usaha untuk membesarkan rumah-rumah ini, tak ada nampaknya. *[Ketawa][Disampuk]* Tak, rumah yang kita buat, ada tak *you* tengok? Ada jumpa tak, *Auditor*

General? Dia hendak tambah sendiri rumah itu menjadi besarkah, tambah bilik. Tak ada ya? Maknanya, inilah *education*lah. Dia tak ada usaha hendak tambah lagi.

Dato' Mohd Arif bin Ab Rahman: Dia tidak berkemampuan.

Tuan Haji Abdul Rashid bin Yaakub: Saya ingat tiga bulan lepas saya pergi ke Kuala Lipis untuk melawat salah satu projek, memang dia punya *nature of life* dia, walaupun dia ada rumah itu, dia akan buat juga gerai, rumah di belakang itu, pondok dia buat untuk dia. Dia akan ada juga rumah. So...

Dato' Mohd Arif bin Ab Rahman: Itu Yang Berhormat Tuan Pengerusi, *they called it the roaming area. Roaming area* dia. Semasa dekat Selangor dulu kita buat rumah, dia kata rumah itu dia kata kalau boleh dia kata masa itu, kalau boleh yang belakang itu bagi kawasan dialah. Pasal dia kata, dia baring dia keras, keras. "*Saya tak boleh baring. Keras. Jadi saya hendak pergi roaming.*" Itu yang belakang itu kita beri dia untuk *roaming area* dia. Itu memang betul. Itu *nature* dia. Keras. *[Ketawa]* Betul. "*Saya tak biasa tidur, keras.*" Dia kata.

Masa dekat Selangor dulu kita buat rumah sudah cantik simen, dia kata tak boleh itu simen. Dia mana ada letak-letak tilam, tak ada — simen. Jadi *last* sekali, dia letaknya ayam dia, kambing di dalam itu. Dia duduk di belakang. Ha, itu *nature* dia. *[Disampuk]* Akan tetapi macam Rompin itu kita pergi tengok, sudah okey dia orang. Tetapi dia masih lagi suka satelah. Itu sahajalah. *[Ketawa]*

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh: Di mana itu yang tadi...?

Dato' Mohd Arif bin Ab Rahman: Di Selangor.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh: Di Selangor? Saya ada pernah tidur sama-sama dengan Orang Asli di Perak. *[Disampuk]* Ya, tidur sama-sama dia orang, ada pernah. Mandi...

Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah: *Scout* ya?

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh: Tidak, baru-baru ini sebagai Ahli Parlimen.

Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah: *Scout mission?*

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh: Tidak. Ini *outreach* program. *I sit with them*, saya bagi kursus bagi murid-murid yang duduk Darjah 6 ini, UPSR, bagi motivasi. Dulu tak pernah *pass*. Bila saya bagi motivasi dengan dia punya ibu bapa di POASM itu, dia ada *pass* enam orangkah. Jarang pergi sekolah. Ibu bapa bawa balik. Saya tidur dengan dia orang. Bantal tak ada, nyamuk dari bawah, ada bakar — bakar apa ini? *[Disampuk]* Sabut kelapa punya. *[Ketawa]* Sabut kelapa. *I sleep with them*, saya telanjang, mandi di sungai sama-sama dia orang. *[Ketawa]*

Dato' Mohd Arif bin Ab Rahman: Tetapi nasib baik tak ada orang ambil gambar, Yang Berhormat. Nanti dia *viralkan*. *[Ketawa]*

Tuan Pengerusi: Ada apa-apa lagi? Tak ada ya? Okey, terima kasihlah. Okey, terima kasih.

Dato' Mohd Arif bin Ab Rahman: Kita jumpa lagi hari Rabu. *[Ketawa]*

[Mesyuarat ditangguhkan pada pukul 12.10 tengah hari]



**DOKUMEN
PEMBENTANGAN**



RAHSIA

**MESYUARAT
JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA
(PAC)**

**LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA
TAHUN 2014 SIRI 3**

**PROGRAM PEMBANGUNAN SOSIOEKONOMI
MASYARAKAT ORANG ASLI
JABATAN KEMAJUAN ORANG ASLI (JAKOA)**

KEMENTERIAN KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH

RAHSIA

**5 SEPTEMBER 2016
ISNIN, JAM 10.30 PAGI**

JABATAN AUDIT NEGARA

RAHSIA

2

**PROGRAM PEMBANGUNAN SOSIOEKONOMI MASYARAKAT ORANG
ASLI,
JABATAN KEMAJUAN ORANG ASLI (JAKOA)**



KRONOLOGI PENGAUDITAN


BIL.	PERKARA	TARIKH
1.	<i>Entrance Conference</i> Di KKLW (Pengerusi : TKSU Pembangunan, Dato' Ahmad Zubir)	12.05.2015
2.	Tempoh Pengauditan	13.05.2015 – 19.06.2015
3.	<i>Exit Conference</i> di KKLW (Pengerusi: TKSU Pembangunan)	04.09.2015
4.	LKAN Tahun 2014 Siri 3 dibentangkan di Parlimen (PAC)	23.11.2015

RAHSIA

RAHSIA

3

PROGRAM PEMBANGUNAN SOSIOEKONOMI MASYARAKAT ORANG ASLI




TUJUAN – membasmi kemiskinan dan meningkatkan perubahan minda di kalangan masyarakat Orang Asli.

RAHSIA

RAHSIA

4

PROGRAM PEMBANGUNAN SOSIOEKONOMI MASYARAKAT ORANG ASLI




PROGRAM PEMBANGUNAN JAKOA

- Program Penempatan Tersusun (PPT)** – Rancangan Penyusunan Semula (RPS), Penyusunan Semula Kampung (PSK) dan Kerja-kerja Ukur Keliling Tanah/Pengambilan Tanah Bagi Perkampungan Masyarakat Orang Asli.
- Program Pembangunan Ekonomi (PPE)** – Pembiayaan Projek Pembangunan Ladang, Program Bimbingan Usahawan, Program Pembinaan Ruang Niaga dan Program Meningkatkan Pendapatan Masyarakat Orang Asli.
- Program Pembangunan Sosial (PPS)** – Membina dan meningkatkan kemudahan infrastruktur serta kemudahan awam seperti penyaluran Bekalan Air Terawat (BAT), bekalan elektrik, membina dan menaik taraf kemudahan jalan kampung, balai raya, dewan, jambatan dan sebagainya.

RAHSIA

5

PROGRAM PEMBANGUNAN SOSIOEKONOMI MASYARAKAT ORANG ASLI




Program Bantuan Rumah (PBR) – Menyediakan kemudahan perumahan kepada masyarakat Orang Asli miskin dan miskin tegar di seluruh Semenanjung Malaysia. Kemudahan ini diberikan kepada Ketua Isi Rumah (KIR) Orang Asli yang layak menerima bantuan. Pemilihan berdasarkan Garis Panduan Program Bantuan Rumah. Rumah yang dibina mempunyai 3 bilik tidur mengikut spesifikasi teknikal Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW).

RAHSIA

6

PROGRAM PEMBANGUNAN SOSIOEKONOMI MASYARAKAT ORANG ASLI



PERUNTUKAN


Peruntukan Program Pembangunan Sosioekonomi masyarakat Orang Asli bagi tempoh 5 tahun (2011 hingga 2015) adalah berjumlah RM571.23 juta yang disalurkan oleh KKLW kepada JAKOA.

RAHSIA

RAHSIA

7

PROGRAM PEMBANGUNAN SOSIOEKONOMI MASYARAKAT ORANG ASLI



OBJEKTIF PENGAUDITAN


Untuk menilai sama ada program pembangunan sosioekonomi masyarakat Orang Asli telah dirancang dan dilaksanakan dengan teratur, cekap, berhemat serta mencapai objektif yang ditetapkan.

RAHSIA

RAHSIA

8

PROGRAM PEMBANGUNAN SOSIOEKONOMI MASYARAKAT ORANG ASLI



SKOP PENGAUDITAN


- Pengauditan dijalankan di Ibu Pejabat JAKOA, serta 5 pejabat JAKOA Negeri iaitu Pahang, Johor, Selangor, Perak dan Negeri Sembilan.
- Sebanyak 477 dari 4,464 projek (10.7%) bernilai RM81.38 juta dari sejumlah RM254.01 juta kos keseluruhan projek yang telah dibelanjakan bagi tempoh tahun 2011 hingga 2014 telah dipilih sebagai sampel Audit.
- Meliputi aspek perancangan, pelaksanaan dan pemantauan bagi 3 program iaitu PPS, PPE dan PBR.

RAHSIA

RAHSIA

9

PROGRAM PEMBANGUNAN SOSIOEKONOMI MASYARAKAT ORANG ASLI



METODOLOGI PENGAUDITAN


- Menyemak rekod, dokumen dan fail berkaitan di Ibu Pejabat JAKOA dan Pejabat-Pejabat JAKOA Negeri iaitu Pahang, Johor, Selangor, Perak dan Negeri Sembilan.
- Perbincangan dan temu bual dengan pegawai serta golongan sasaran.
- Lawatan tapak ke projek-projek PPS, PPE dan PBR di 5 negeri terlibat.

RAHSIA

RAHSIA

10

PROGRAM PEMBANGUNAN SOSIOEKONOMI MASYARAKAT ORANG ASLI



RUMUSAN

Pada keseluruhannya, kesemua program telah berjaya dilaksanakan dengan memuaskan kerana dari 3,858 projek yang disasarkan di antara tahun 2011 hingga 2014, sebanyak 4,464 projek pembangunan sosioekonomi telah dilaksanakan oleh JAKOA. Bagaimanapun beberapa kelemahan telah dikenal pasti dan boleh diperbaiki antaranya seperti yang berikut:

1. Lanjutan masa bagi 2 kerja sebut harga yang bernilai RM200,000 dan RM424,500 tidak diluluskan oleh Jawatankuasa Sebutharga. ➔

RAHSIA

RAHSIA

PROGRAM PEMBANGUNAN SOSIOEKONOMI MASYARAKAT ORANG ASLI

11

RUMUSAN (sambungan)

2. Sebanyak 7 kawasan yang melibatkan 809 rumah didapati pemasangan meter air Projek BAT di semua kawasan tersebut adalah tidak berfungsi. Memandangkan rancangan bagi pengenaan caj kepada individu belum disediakan oleh pihak JAKOA, maka pemasangan meter air individu bernilai RM315,860 itu boleh menyumbangkan kepada pembaziran. ➔
3. Penyaluran Bekalan Air Terawat – setiap rumah PBR memiliki 2 buah tangki air – satu telah disediakan di bawah PBR (dalam skop PBR) manakala satu lagi disediakan oleh Projek BAT. ➔

RAHSIA

RAHSIA

PROGRAM PEMBANGUNAN SOSIOEKONOMI MASYARAKAT ORANG ASLI

12

RUMUSAN (sambungan)


4. Pembinaan jambatan Kampung Santeh, Kuala Kangsar, Perak
- Tiada justifikasi pembinaan jambatan yang berharga RM404,101. ➔
5. Penanaman Getah:
 - a) Pengurusan Input Benih – penanaman anak benih getah secara konvensional (individu) oleh peserta tidak tersusun. ➔
 - b) Pembelian Sulaman Benih Anak Getah – sebahagian besar anak getah yang dibekalkan pada tahun 2013 telah musnah akibat serangan gajah liar pada tahun 2014. ➔
 - c) Pengurusan Baja – tidak digunakan dan terbiar di dalam stor selama antara 22 hingga 25 bulan. ➔

RAHSIA

RAHSIA

13


PROGRAM PEMBANGUNAN SOSIOEKONOMI MASYARAKAT ORANG ASLI



RUMUSAN (sambungan)

6. Projek Ternakan Ikan – 2 daripada 3 projek ternakan ikan masih diusahakan tetapi tidak membantu meningkatkan pendapatan penternak. ➔

RAHSIA



RAHSIA


SYOR AUDIT

RAHSIA

RAHSIA

15

PROGRAM PEMBANGUNAN SOSIOEKONOMI MASYARAKAT ORANG ASLI



SYOR AUDIT:


- *Lanjutan masa perlu diluluskan oleh Jawatankuasa Sebutarga sebagaimana dinyatakan dalam PK4/2013;*
- *JAKOA hendaklah menentukan keperluan memasang meter air bagi perkampungan Orang Asli.*
- *Pembekalan tangki dan menara tangki bagi Projek BAT ke rumah-rumah di bawah program PBR perlu diteliti semula dari segi keperluannya memandangkan rumah tersebut telah dibekalkan dengan tangki air ketika pembinaannya dan ini selaras dengan amalan perbelanjaan yang cekap, ekonomi dan berkesan.*

RAHSIA

RAHSIA

16

PROGRAM PEMBANGUNAN SOSIOEKONOMI MASYARAKAT ORANG ASLI



SYOR AUDIT:

- *JAKOA perlu menjalankan feasibility study serta kajian kesesuaian tapak sebelum melaksanakan projek-projek yang berisiko seperti jambatan; dan*
- *Setiap projek pembangunan ekonomi seperti pertanian dan penternakan perlu dirancang dan diuruskan dengan teratur terutamanya dari segi potensi, lokasi dan pengalaman masyarakat Orang Asli supaya tidak berlaku pembaziran.*

RAHSIA



**Sekian
Terima Kasih**

www.audit.gov.my

17

RAHSIA

PROGRAM PEMBANGUNAN SOSIOEKONOMI MASYARAKAT ORANG ASLI

1

PENEMUAN AUDIT:

8.5.3. Pentadbiran Kontrak

8.5.3.1 Tempoh Lanjutan Kontrak

- Mengikut Pekeliling Kerajaan 4/2013 perenggan f(1)(iv), pelanjutan masa bagi kontrak kerja bernilai melebihi RM200,00 hingga RM500,00 dibenarkan tertakluk kepada kelulusan Jawatankuasa Sebutharga terlebih dahulu.
- Lanjutan masa bagi dua kerja sebutharga di dua negeri bernilai antara RM220,000 dan RM424,500 tidak diluluskan oleh Jawatankuasa Sebutharga sebaliknya oleh Pengarah dan Timbalan Pengarah negeri sahaja. Tiada bukti menunjukkan penurunan kuasa dibuat kepada kedua-dua Pengarah dan Timbalan Pengarah berkenaan bagi tujuan meluluskan lanjutan masa tersebut. Butiran adalah seperti jadual berikut:

RAHSIA

RAHSIA

**JABATAN KEMAJUAN ORANG ASLI
KEMENTERIAN KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH**

2

LANJUTAN MASA YANG DILULUSKAN OLEH PENGARAH/TIMBALAN PENGARAH

PROJEK / NEGERI	NAMA KONTRAKTOR	KOS KONTRAK (RM)	TEMPOH KONTRAK	TARIKH SIAP KERJA SEBENAR	TEMPOH LANJUTAN MASA (EOT)	DILULUSKAN OLEH PENGARAH/TIMBALAN PENGARAH
Memina Baru Rumah PDR Di Simoi Lamsa, Pos Lenjang, Kuala Lipis, Pahang	Falahana Trading	220,000	05.08.2014 - 11.11.2014	15.12.2014	<u>Pertama:</u> 12.11.2014 - 25.11.2014	Timbalan Pengarah Negeri
					<u>Kedua:</u> 26.11.2014 - 09.12.2014	
					<u>Ketiga:</u> 10.12.2014 - 15.12.2014	
Memina Jalan Premis Dan Lain-Lain Kerja Berkaitan Di Kampung Orang Asli Tamok, Segamat, Johor	Bumi Gemilang Construction	424,500	05.11.2014 - 10.12.2014	17.12.2014	11.12.2014 - 21.12.2014	Pengarah Negeri

Sumber: Rekod DI BPSE, Kewangan Dan Perolehan JAKOA

RAHSIA

RAHSIA

3

PROGRAM PEMBANGUNAN SOSIOEKONOMI MASYARAKAT ORANG ASLI

Maklum Balas JAKOA Yang Diterima Pada 22 Ogos 2015

JAKOA akur bahawa pelanjutan masa kontrak bagi projek di Negeri Pahang, Perak dan Johor tidak mengikut prosedur yang ditetapkan iaitu perlu mendapatkan kelulusan Jawatankuasa Sebutharga. Surat arahan telah dikeluarkan kepada semua Pengarah Negeri memaklumkan bahawa pelanjutan masa kontrak bagi sebutharga dan kerja-kerja undi diputuskan oleh Jawatankuasa Sebutharga berdasarkan penurunan had kuasa melulus yang telah ditetapkan oleh Pegawai Pengawal.

Tindakan Penambahbaikan

Sebagai langkah penambahbaikan, JAKOA akan memastikan kebenaran pelanjutan masa akan diberikan selepas dibawa di dalam Jawatankuasa Sebutharga.

RAHSIA

RAHSIA

PROGRAM PEMBANGUNAN SOSIOEKONOMI MASYARAKAT ORANG ASLI

1

PENEMUAN AUDIT:

8.5.4.1.1 Pemasangan Meter Air

- Mengikut kontrak, setiap pemasangan menara tangki air individu hendaklah disertakan dengan meter air. Kos setiap meter air adalah antara RM310 hingga RM645.
- Pemasangan meter air adalah untuk memantau penggunaan air di mana mengikut perancangan, caj bayaran akan dikenakan ke atas individu selepas kontrak penyenggaraan ke atas Projek BAT tamat.
- Didapati harga setiap satu meter air berbeza dan kriteria pemilihan jenis meter juga tidak dinyatakan di dalam kontrak.
- Sebanyak 7 kawasan yang melibatkan 809 rumah didapati pemasangan meter air di semua kawasan tersebut tidak berfungsi. Memandangkan rancangan bagi mengenakan caj kepada individu belum disediakan oleh pihak JAKOA, maka pemasangan meter air individu bernilai **RM315,860** tersebut boleh menyumbang kepada **pembaziran**. Butiran lanjut adalah seperti jadual berikut:

RAHSIA

RAHSIA

PROGRAM PEMBANGUNAN SOSIOEKONOMI MASYARAKAT ORANG ASLI

2

KOS PEMASANGAN METER INDIVIDU DI SETIAP RUMAH

NAMA KONTRAKTOR	LOKASI PROJEK	BIL. RUMAH	HARGA SEUNIT METER AIR (RM)	KOS KESELURUHAN METER (RM)
EFFA Enterprise	Mersing dan Kluang, Johor	34	645	21,930
Group Five Supply & Services	Batang Padang, Perak	354	380	134,520
Anjal Associates	Batang Padang, Perak	135	500	67,500
Ehiya Enterprise	Hulu Selangor, Selangor	8	-	-
Puncak Alam Bina	Sepang, Selangor	5	-	-
Arashin Services Sdn. Bhd.	Kuala Lipis, Pahang	91	390	35,490
Sahib Enterprise	Kuala Lipis, Pahang	182	310	56,420
JUMLAH		809		315,860

Sumber : Dokumen Perolehan Sebutharga Dan Tender

RAHSIA

RAHSIA

PROGRAM PEMBANGUNAN SOSIOEKONOMI MASYARAKAT ORANG ASLI

3



*Projek Bekalan Air Terawat Zoc C, Perak
(Kg. Rasau)
Meter Air Yang Dibekalkan Oleh Kontraktor
(19.06.2015)*

RAHSIA

RAHSIA

PROGRAM PEMBANGUNAN SOSIOEKONOMI MASYARAKAT ORANG ASLI

4



*Projek Bekalan Air Terawat Zon C, Perak
(Kg. Rasau)
Vandallsme Ke Atas Meter Air Yang Dibekalkan
(19.06.2015)*

RAHSIA

RAHSIA**PROGRAM PEMBANGUNAN SOSIOEKONOMI MASYARAKAT ORANG ASLI**

5

Maklum Balas JAKOA Yang Diterima Pada 22 Ogos 2015

JAKOA juga mengesahkan bahawa caj bayaran dicadang untuk dikenakan kepada individu selepas kontrak penyenggaraan tamat. Oleh itu, meter air diperlukan untuk dikenakan caj selepas kontrak penyenggaraan tamat. Bagaimanapun mulai tahun 2015, JAKOA telah mengambil langkah penambahbaikan dengan mengeluarkan item pemasangan meter di dalam dokumen tender yang sedang dilaksanakan dan akan dilaksanakan. Pemasangan meter air hanya akan dilaksanakan sekiranya terdapat permintaan daripada JKKKOA atau Koperasi untuk tujuan penyenggaraan tersebut.

RAHSIA

RAHSIA

PROGRAM PEMBANGUNAN SOSIOEKONOMI MASYARAKAT ORANG ASLI

1

PENEMUAN AUDIT:**8.5.4.1.3 Penyaluran Bekalan Air Terawat**

- Tangki dan menara tangki individu adalah antara yang dibekalkan di setiap rumah bagi melengkapkan Projek BAT.
- Bagi penempatan di bawah Program Bantuan Rumah (PBR), setiap rumah telah dilengkapi dengan tangki air di mana sumber airnya diperolehi dari air bukit dan tidak terawat.
- Projek BAT juga menyediakan tangki air seperti dalam skop bekalannya, menyebabkan rumah-rumah tersebut memiliki 2 tangki air dan menerima bekalan air dari dua sumber.
- Memandangkan kos bagi tangki dan menara tangki individu adalah antara RM2,887 hingga RM5,025, boleh berlaku penjimatan sekiranya bekalan air terawat disalurkan terus ke tangki sedia ada di setiap rumah PBR tanpa menggunakan tangki individu.

RAHSIA**RAHSIA**

PROGRAM PEMBANGUNAN SOSIOEKONOMI MASYARAKAT ORANG ASLI

2

KOS BEKALAN TANGKI DAN MENARA TANGKI

BIL.	NAMA KONTRAKTOR	LOKASI PROJEK	KOS SEUNIT TANGKI DAN MENARA TANGKI (RM)	BIL. RUMAH YANG DIBEKALKAN	JUMLAH KOS (RM)
1.	EFFA Enterprise	Mersing dan Kluang, Johor	2,887	34	98,158
2.	Group Five Supply & Services	Batang Padang, Perak	5,025	354	1,778,850
3.	Axial Associates	Batang Padang, Perak	4,500	135	607,500
4.	Ehiya Enterprise	Hulu Selangor, Selangor	3,010	8	24,080
5.	Puncak Alam Bina	Sepang, Selangor	2,901	5	14,508
6.	Arashin Sevices Sdn Bhd	Kuala Lipis, Pahang	4,770	91	434,070
7.	Sahib Enterprise	Kuala Lipis, Pahang	4,820	182	877,240
JUMLAH				409	3,834,406

Sumber: Dokumen Perolehan Sebut Harga Dan Tender

RAHSIA

RAHSIA

PROGRAM PEMBANGUNAN SOSIOEKONOMI MASYARAKAT ORANG ASLI

3



**Projek Sosial Dan Ekonomi JAKOA
Projek Bekalan Air Terawat Zon E
Kg. Lenjang, Pahang**
- Menara Tangki Air Di Bahagian Luar Rumah
PBR Yang Dibekalkan Oleh Kontraktor Di
Bawah Projek Bekalan Air Terawat
(19.06.2015)



**Projek Sosial Dan Ekonomi JAKOA
Projek Bekalan Air Terawat Zon E,
Kg. Lenjang, Pahang**
- Lokasi Tangki Air Asal Sedla Ada Di bahagian
Dalam Rumah Yang Dibekalkan Ketika Pembinaan
Rumah PBR
(19.06.2015)

RAHSIA

RAHSIA

PROGRAM PEMBANGUNAN SOSIOEKONOMI MASYARAKAT ORANG ASLI

4

Maklum Balas JAKOA Yang Diterima Pada 22 Ogos 2015

Bagi memudahkan penduduk mendapatkan bekalan air yang mencukupi, JAKOA telah melaksanakan satu sistem yang dinamakan sistem bekalan air pelbagai sumber. Justeru, sistem yang ada di luar rumah berfungsi sebagai tangki simpanan untuk menyimpan air sekiranya berlaku gangguan bekalan air seperti kerosakan paip utama dan sistem bekalan air itu sendiri.

RAHSIA

RAHSIA

PROGRAM PEMBANGUNAN SOSIOEKONOMI MASYARAKAT ORANG ASLI

1

PENEMUAN AUDIT:

8.5.4.2. Pembinaan Jambatan Kg. Santeh, Kuala Kangsar, Perak

- Tiada justifikasi pembinaan jambatan yang berharga RM404,101.
- Pembinaan jambatan ditamatkan kerana kontraktor gagal menyiapkan projek dalam masa yang diberikan walaupun lanjutan masa diberi sehingga 17 Februari 2014.
- Sehingga tarikh pengauditan pada 15 Jun 2015 sejumlah RM86,543.35 telah dibelanjakan sebagai bayaran *material on site* dan bayaran kemajuan 10%.
- Penamatan kontraktor hanya dilakukan sebulan selepas tempoh lanjutan masa.
- Status jambatan terkini tidak dinyatakan.
- Tiada sebarang denda dikenakan kepada pihak kontraktor atas kerja yang tidak siap itu.

RAHSIA

RAHSIA

PROGRAM PEMBANGUNAN SOSIOEKONOMI MASYARAKAT ORANG ASLI

2

Projek Pembinaan Jambatan Kg. Santeh, Sungai Siput, Perak

- Kelihatan Besl Cerucuk (Gambar 8.13) Dan "Crusher Run" (Gambar 8.14) Yang Terblar Di Lokasi Pembinaan.

- Kegagalan Kontraktor Menyiapkan Projek Dan Material On Site Bersama Bayaran Kemajuan Telah Dibayar (18.06.2015)

RAHSIA

RAHSIA

PROGRAM PEMBANGUNAN SOSIOEKONOMI MASYARAKAT ORANG ASLI

3

Maklum Balas JAKOA Yang Diterima Pada 22 Ogos 2015

Projek Jambatan Kampung Santeh tidak dapat dilaksanakan pada ketika ini kerana terdapat batu-batu hampar yang besar dan tidak boleh dipecahkan untuk membina "pler" di kawasan pembinaan jambatan tersebut. Ini menyebabkan kos pembinaan bagi jambatan ini dijangka meningkat kepada RM1.30 juta. Pihak Pengurusan JAKOA membuat keputusan untuk mengemukakan bajet tambahan kepada EPU bagi meneruskan pelaksanaan projek ini.

RAHSIA

RAHSIA

PROGRAM PEMBANGUNAN SOSIOEKONOMI MASYARAKAT ORANG ASLI

1

PENEMUAN AUDIT:

8.5.5.1 Penanaman Getah

8.5.5.1.1 Pengurusan Input Benih

- Pengurusan benih, teknik penanaman serta lokasi yang sempurna boleh menghasilkan pokok getah yang produktif dan baik.
- Didapati penanaman anak getah secara konvensional (individu) oleh peserta adalah tidak tersusun disebabkan kurangnya pemantauan daripada pegawai pertanian.
- Keadaan ini menyebabkan anak pokok getah tidak hidup subur dan membesar.

RAHSIA

RAHSIA

PROGRAM PEMBANGUNAN SOSIOEKONOMI MASYARAKAT ORANG ASLI

2



**Projek Ladang Masyarakat Orang Asli (PLMOA)
Pos Bersih, Perak**
- Selain Baja Yang Dibekalkan Tidak Dimanfaatkan Sepenuhnya, Teknik Penanaman Tidak Diterapkan Menyebabkan Sukar Untuk Mengesan Bilangan Anak Getah Yang Ditanam Oleh Individu
(16.06.2015)



**Projek Ladang Masyarakat Orang Asli (PLMOA)
Kg. Gurney, Hulu Selangor**
- Lokasi Penanaman Di kawasan Air Terjun Dan Dilindungi Oleh Pokok Hutan Yang Lebih Besar Menyebabkan Pokok Yang Telah Berusia 18 Bulan Masih Tidak Dapat Membesar Secara Normal
(16.06.2015)

RAHSIA

RAHSIA

PROGRAM PEMBANGUNAN SOSIOEKONOMI MASYARAKAT ORANG ASLI

3



*Projek Sosial Dan Ekonomi JAKOA
- Contoh Anak Getah Yang Ditanam Tersusun Di
Ladang Milik Persendirian
Di Lokasi Sungai Sendat, Hulu Selangor
(16.06.2015)*

RAHSIA

RAHSIA

PROGRAM PEMBANGUNAN SOSIOEKONOMI MASYARAKAT ORANG ASLI

PENEMUAN AUDIT:**8.5.5.1.2. Pembelian Sulaman Benih Anak Getah**

- Sebanyak 34,580 benih anak getah bernilai RM250,705 telah diagihkan pada 12 dan 14 Julai 2013 di lapan kampung (144 peserta@240 anak benih/peserta) di Pos Banun, Grik, Perak.
- Bekalan anak benih getah di atas adalah bagi menggantikan anak getah yang dibekalkan pada tahun 2012 yang bernilai RM451,508 (424 anak benih/peserta) yang telah musnah akibat serangan gajah pada tahun 2013.
- Lawatan Audit mendapati sebahagian besar anak getah yang dibekal pada tahun 2013 juga telah musnah akibat serangan gajah liar pada tahun 2014.
- Lokasi penanaman getah adalah tidak sesuai kerana kawasan tersebut merupakan kawasan pembuangan gajah liar.

RAHSIA

RAHSIA

PROGRAM PEMBANGUNAN SOSIOEKONOMI MASYARAKAT ORANG ASLI

2



*Projek Ladang Masyarakat Orang Asli (PLMOA)
RPS Banun, Grik
- Keadaan Ladang Selepas Serangan Gajah
(17.06.2015)*

RAHSIA

RAHSIA

3

PROGRAM PEMBANGUNAN SOSIOEKONOMI MASYARAKAT ORANG ASLI**Maklum Balas JAKOA Yang Diterima Pada 22 Ogos 2015**

- i. Bagi projek Kg. Sg. Sendat, Hulu Selangor, teknik penanaman di bawah naungan pokok hutan pada kadar 70% sememangnya memberi kesan secara langsung terhadap pertumbuhan pokok getah kerana berkemungkinan kekurangan cahaya matahari. JAKOA menghadapi kekangan untuk membersihkan segala pokok hutan yang ada kerana status tanah tersebut adalah hutan simpan milik Pihak Berkuasa Kerajaan Negeri.*
- ii. Pada masa yang sama pokok-pokok hutan sedia ada akan dibuat penjarangan secara berperingkat bagi mengurangkan naungan terutama apabila pokok getah mencapai peringkat reproduktif (peringkat remaja getah).*
- iii. Berkaitan dengan projek Pos Bersih, ladang yang kurang disenggara adalah disebabkan oleh komitmen peserta yang kurang disebabkan menumpukan kepada usaha menuai hasil kebun untuk pendapatan sampingan.*
- iv. Serangan gajah terhadap tanaman getah di RPS Banun, Gerik telah bermula pada tahun 2013. Pada peringkat awal penanaman, tiada serangan gajah ke atas tanaman dilaporkan. Perkara ini disebabkan oleh penghijrahan gajah-gajah liar di kawasan berdekatan disebabkan oleh pagar elektrik yang dipasang oleh pihak PERHILITAN telah lama dan tidak berfungsi sepenuhnya.*

RAHSIA

RAHSIA

1 PROGRAM PEMBANGUNAN SOSIOEKONOMI MASYARAKAT ORANG ASLI

PENEMUAN AUDIT:

8.5.5.1.3. Pengurusan Baja


- Bekalan baja bagi projek Ladang Masyarakat Orang Asli (PLMOA) di Perak iaitu di Pos Bersih, Batang Padang pada 21 Ogos 2013 dan RPS Banun, Grik pada Mei 2013 tidak digunakan sepenuhnya.
- Sehingga lawatan Audit pada 17 Jun 2015, baja di kedua-dua lokasi tersebut didapati tidak digunakan dan terbiar di dalam stor selama antara 22 hingga 25 bulan.

RAHSIA

RAHSIA

2 PROGRAM PEMBANGUNAN SOSIOEKONOMI MASYARAKAT ORANG ASLI

SEBELUM



*Projek Ladang Masyarakat Orang Asli (PLMOA)
Pos Bersih, Perak
- Baja Yang Dibekalkan Tidak Dimanfaat Sepenuhnya
Serta Rosak Dan Tidak Dapat Digunakan
(16.06.2015)*

RAHSIA

RAHSIA

3 PROGRAM PEMBANGUNAN SOSIOEKONOMI MASYARAKAT ORANG ASLI

SEBELUM



Projek Ladang Masyarakat Orang Asli (PLMOA)
RPS Air Banun, Grik
- Baja Yang Dibekalkan Didapati Terblar Di Stor Selama Dua Tahun
(17.06.2015)

RAHSIA

RAHSIA

4 PROGRAM PEMBANGUNAN SOSIOEKONOMI MASYARAKAT ORANG ASLI

SELEPAS



Projek Ladang Masyarakat Orang Asli
(PLMOA) RPS Air Banun, Grik
- Baja Di Stor RPS Air Banun, Grik Mula
Berkurangan Kerana Sebahaglannya
Telah Diagihkan Secara Peringkat Ke
Kawasan Yang Tiada Serangan
Gajah Mulai Bulan Julai 2015

RAHSIA

RAHSIA**PROGRAM PEMBANGUNAN SOSIOEKONOMI MASYARAKAT ORANG ASLI**

5

Maklum Balas JAKOA Yang Diterima Pada 22 Ogos 2015

- i. Stok baja yang dibekalkan adalah untuk tempoh pembajaan selama setahun. Berdasarkan kepada jadual pembajaan, kerja-kerja pada pusingan kedua sepatutnya dilaksanakan pada bulan Jun 2015. Bagaimanapun, kerja-kerja tersebut tidak dapat dilaksanakan mengikut jadual disebabkan kawasan tidak disenggara dengan sempurna. Baja yang tidak digunakan didapati masih boleh digunakan kerana kerosakan adalah dari segi pembungkusan sahaja dan baja yang dianggap rosak tersebut sebenarnya masih mengandungi nutrien perlu dan tidak diuraikan melalui proses larut lesap (leaching), larian permukaan (run off) dan pemeruapan.*
- ii. Bagi mengatasi masalah ini, baja tersebut telah digunakan untuk pembajaan pusingan kedua setelah kerja-kerja penyenggaraan siap dilaksanakan. Pada masa yang sama bagi kawalan dalaman, JAKOA akan mengemaskini prosedur pengurusan baja termasuk menetapkan arahan supaya pegawai di lapangan melaporkan baki stok baja di dalam mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Ladang Masyarakat.*

RAHSIA

RAHSIA**PROGRAM PEMBANGUNAN SOSIOEKONOMI MASYARAKAT ORANG ASLI**

1

PENEMUAN AUDIT:**8.5.5.2. Projek Ternakan Ikan**

- Projek ternakan ikan dalam sangkar merupakan salah satu kegiatan ekonomi yang diperuntukan di bawah PPE JAKOA bagi menjana pendapatan masyarakat Orang Asli.
- Dari seramai 16 peserta di 3 projek yang telah dipilih sebagai sampel Audit mendapati hanya sebahagian sahaja yang aktif mengusahakannya. Dari tiga projek ternakan dalam sangkar yang dilawati iaitu masing-masing satu projek di Kluang, Mersing dan Kota Tinggi hanya dua projek iaitu di Mersing dan Kota Tinggi masih mengusahakan projek ternakan walaupun tidak membantu meningkatkan pendapatan penternak. Projek ternakan di Kluang tidak diusahakan lagi.
- Pendapatan hasil 3 projek tersebut bagi tempoh tahun 2012 hingga 2015 hanyalah berjumlah RM70,544 berbanding kos projek RM150,000.

RAHSIA**RAHSIA****PROGRAM PEMBANGUNAN SOSIOEKONOMI MASYARAKAT ORANG ASLI**

2

PROJEK TERNAKAN IKAN DALAM SANGKAR

BUTIRAN BEKALAN	KOS PROJEK (RM)	HASIL PENDAPATAN PESERTA/PETERNAK MENGIKUT TAHUN SEHINGGA TAHUN 2015				
		2012	2013	2014	JUMLAH (RM)	Catatan
Projek Ternakan Ikan Dalam Sangkar Kampung Orang Asli Tanah Abang, Mersing, Johor (benih ikan talapia, makanan ikan, daun pukat dan sangkar)	50,000	7,500	4,500	2,600	14,600	Tahun 2015 - tiada modal untuk membell benih ikan dan makanan
Ternakan Ikan Dalam Sangkar, Kg. Air Pasir, Kluang, Johor	50,000	5,340	-	-	5,340	Tahun 2013 - banjir besar berlaku - projek tidak diteruskan
Projek Ternakan Ikan (Slakap) Dalam Sangkar Di Kg. Orang Asli Sg. Papan, Kota Tinggi, Johor	50,000	20,194	14,400	16,010	50,604	Tahun 2015 - benih ikan belum dimasukkan ke kolam disebabkan sumber air yang tidak sesuai
JUMLAH	150,000	33,034	18,900	18,610	70,544	

Sumber: Maklumat Di JAKOA Negeri Johor

RAHSIA

RAHSIA

3

PROGRAM PEMBANGUNAN SOSIOEKONOMI MASYARAKAT ORANG ASLI**Maklum Balas JAKOA Yang Diterima Pada 22 Ogos 2015**

- i. Projek ternakan ini merupakan projek one-off yang telah dilaksanakan atas permintaan peserta.*
- ii. Projek penternakan ikan sememangnya diakui mempunyai risiko yang besar untuk diusahakan terutamanya kepada Orang Asli kerana melibatkan kerja-kerja yang rumit dari segi pengurusan kolam, pemakanan, penyakit dan penuaian hasil.*
- iii. Kegagalan utama projek adalah disebabkan oleh kelemahan penternak untuk menguruskan aktiviti kewangan terutamanya untuk menyediakan modal pusingan (revolving funds) untuk menjalankan penternakan pusingan berikutnya. Kegagalan pengurusan kewangan projek menyebabkan projek tidak berdaya maju.*

RAHSIA